

**Labur RM400 juta bina loji pelet besi****Oleh Abdul Halim Yusoff** [bhbiz@bharian.com.my](mailto:bhbiz@bharian.com.my)**Perwaja sasar Jimat 15 peratus kos pengeluaran**

PERWAJA Holdings Bhd membelanjakan **RM400 juta** membina loji pengeluaran pelet besi baru di Kemaman, Terengganu, menyasarkan penjimatkan kos pengeluaran 15 peratus setahun. Ia sekali gus memberi kesan ketara kepada keuntungan syarikat menerusi pembabitan lanjut dalam sektor huluan itu. Kilang pengeluaran pelet besi yang digunakan sebagai bahan mentah dalam pengeluaran besi keluli itu mendapat bekalan bijih besi daripada pembabitan Perwaja dalam kegiatan perlombongan di lot yang dikenal pasti bagi diserahkan kepada syarikat di kawasan Bukit Besi, Dungun. Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Abu Sahid Mohamed, berkata sebelum ini syarikat mengimport bijih besi daripada beberapa negara termasuk Brazil dan Sweden.

Beliau berkata, persetujuan kerajaan negeri membenarkan Perwaja mengeluarkan biji besi di negeri itu, dapat menjimatkan kos operasi syarikat. "Dengan persetujuan kerajaan itu, kita menggunakan sepenuhnya bijih besi dari Terengganu untuk operasi loji baru di Kemaman," katanya selepas majlis pecah tanah pembinaan Loji Concentration and Pelletizing Perwaja bersebelahan loji Perwaja Steel di kawasan perindustrian Telok Kalong, Kemaman disempurnakan Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said, kelmarin. Loji pelet besi itu berupaya mengeluarkan 1.2 juta tan pelet bagi fasa pertama tahun depan dan 2.4 juta tan bagi fasa kedua pada 2013. Loji Concentration and Pelletizing adalah yang pertama di Asia Tenggara dijangka siap pada Ogos atau September tahun depan dengan mampu menyediakan 3,000 peluang pekerjaan. "Keupayaan memproses pelet besi memberi kita kawalan terhadap kos sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada syarikat asing," katanya.

**'Kembalikan wang RM2.9 juta'****Oleh Junita Mat Rasid** [junita@bharian.com.my](mailto:junita@bharian.com.my)**Peneroka rayu agensi bayar jumlah dikumpul melalui Tabung Tanam Semula**

MUAR: "Kembalikan wang tabung **RM2.9 juta** supaya kami boleh mulakan program tanam semula sawit," rayu peneroka sebuah tanah rancangan dekat sini yang mendakwa agensi yang bertanggungjawab sehingga kini belum membayar wang berkenaan kepada mereka yang dikumpul melalui Tabung Tanam Semula sejak 1983. Mereka sudah berusaha sejak tahun lalu bagi mendapatkan hak dari tabung berkenaan yang diwujudkan agensi rancangan tanah itu dengan potongan kira-kira RM86,000 setahun. Apa yang menghairankan kumpulan peneroka terbabit, agensi terbabit mendakwa mereka tidak layak mendapatkan wang dari tabungan itu dengan alasan masih berhutang dengan agensi berkenaan, sedangkan kebanyakan peneroka sudah keluar dari rancangan itu mulai 2007 dan mendapat hak milik tanah, membuktikan mereka tiada sebarang tunggakan hutang. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Tabung Tanam Semula Projek Bukit Kepong, Nasron Abd Wahab, 52, berkata mereka bantu apabila usaha menemui pengurusan agensi itu dan surat yang dihantar kepada pihak berkenaan sejak tahun lalu tidak dilayan dan sehingga kini tiada tanda penyelesaian.

Katanya, kegagalan agensi terbabit mengembalikan wang tabung itu menyebabkan pendapatan peneroka berkurangan berikutan keadaan pokok sawit sudah tua dengan ketinggian mencecah 15 meter dan tidak lagi mengeluarkan buah yang baik. "Jika tak tanam semula dengan segera, pasti pendapatan kami akan terus merosot seterusnya kembali miskin. Bayangkan sebelum ini peneroka mampu memperoleh pendapatan sehingga RM3,000 sebulan, merosot kepada RM1,800 apabila hanya mampu mengeluarkan dua hingga tiga tan sawit sebulan dan akan terus merosot. "Keadaan pokok sawit yang berusia 25 tahun bukan saja dikategorikan tua, sebaliknya tidak lagi ekonomik kerana hasilnya mula berkurangan, sekali gus memberi bebanan kepada pekebun."

Katanya, wang tabungan yang dituntut mereka daripada agensi terbabit potongan yang disimpan sejak 1983 oleh setiap peserta sepanjang berada di bawah pengurusan agensi itu bagi kegunaan tanam semula. Katanya, 102 daripada 152 peneroka peringkat 2 dan 3 memperoleh hak milik tanah dan keluar daripada pengurusan agensi itu mulai 2007, sepatutnya menerima sejumlah simpanan dalam tabung tanam semula itu bagi menanam pokok baru. "Kami hanya mahu hak kami iaitu wang daripada tabung yang dipotong agensi itu sejak 1983. Alasan peneroka masih berhutang tidak boleh diterima kerana kami sudah mendapat hak milik tanah selepas semua hutang dilangsaikan. "Kenapa hanya selepas kami keluar daripada pengurusan dan menuntut hak bagi tanam semula sawit, baru agensi itu menimbulkan soal hutang, sedangkan sebelum ini perkara berkenaan tidak pernah dibangkitkan," katanya. Nasron berharap agensi terbabit dan kerajaan memberi perhatian terhadap nasib mereka bagi membolehkan peneroka mendapatkan wang tabungan itu untuk projek tanam semula, sekali gus meningkatkan lagi pendapatan.

**BERITA HARIAN**  
**online**

2 Ogos 2011 (Selasa)

## Rencana - Kenaf industri komoditi baru

Oleh Mohd Fakri Awang Lah [renchanbh@bharian.com.my](mailto:renchanbh@bharian.com.my)



**PEKERJA di Pusat Mengumpul dan Memproses Kenaf Air Tawar, Pasir Puteh mengasingkan kulit dan empulur kenaf.**

### Spesies pokok herba mampu hasil serat dapat permintaan tinggi

LEMBAGA Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) optimis industri kenaf di negara ini dapat dikembangkan sebagai sumber pertumbuhan baru di Malaysia sambil menasarkan penanaman sekurang-kurangnya 3,000 hektar kenaf tahun ini dan memberi pendapatan lumayan kepada pengusaha. Permintaan terhadap kenaf kini semakin meningkat berikutan komoditi itu semakin mendapat tempat dalam kalangan pengusaha industri bagi tujuan kajian dan penyelidikan memandangkan ia satu sumber yang mudah diperoleh. Malah, kenaf berpotensi menjadi sumber pertumbuhan baru dan komoditi ketiga terpenting selepas getah dan kelapa sawit mempunyai pasaran yang terjamin. LKTN yang ditubuhkan pada 1 April 2010 di bawah Akta LKTN 2009 diberi tanggungjawab membangunkan tanaman kenaf dan industri berasaskan kenaf sebagai tanaman komoditi baru dan alternatif kepada penanam tembakau. Berikutan itu, Ketua Pengarah LKTN, Ahmad Loman, berkata tembakau akan dihapuskan secara berperingkat dengan mengawal penanaman tumbuhan itu. LKTN menasarkan kira-kira 3,000 hektar kenaf akan ditanam pada tahun ini di beberapa negeri terutama di Pahang yang dilihat berpotensi memandangkan mempunyai tanah yang sesuai untuk tanaman berkenaan. Kita mula memperbesarkan program kenaf ini pada 2010 yang mana kita telah menanam 1,693 hektar di Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah serta Perlis dan pada tahun ini, kita menasarkan lebih kurang 3,000 hektar untuk ditanam dan setakat ini kita telah tanam lebih kurang 800 hektar di Pantai Timur.

Bagi Perlis dan Kedah pula, dua negeri terbabit dilihat lebih sesuai untuk dijadikan tempat pembiakan biji benih dan LKTN sekarang sedang giat membiak benih kenaf ini untuk program penanaman pada 2012 hingga 2013. "Kerajaan telah memperuntukkan RM2 juta pada tahun ini untuk pembangunan infrastruktur projek kenaf. Selain itu sejumlah RM5 juta diperuntukkan bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) kenaf untuk tempoh dua tahun pelan pembangunan pertama," katanya. Ahmad memberitahu, permintaan terhadap produk berasaskan kenaf sangat tinggi, justeru LKTN menyasarkan penghasilan sebanyak 150 tan bagi setiap 50 hektar tanaman yang mampu menjana pendapatan kira-kira RM300,000 kepada penanam. Kenaf atau nama saintifiknya *Hibiscus Cannabinus* ialah sejenis tanaman jangka pendek berserat dan bukan berkayu yang berasal dari Afrika (barat Sudan) dengan sejarahnya melebihi 4,000 tahun. Tanaman ini tergolong dalam keluarga *Hibiscus* yang mempunyai persamaan dengan tanaman kacang bendi dan kapas.

Secara morfologinya, kenaf mempunyai kaitan rapat dengan tanaman roselle (*Hibiscus Sabdariffa*). Kenaf juga dikenali tanaman herba jangka pendek musim panas yang mampu menghasilkan serat panjang (25-30 peratus) pada bahagian kulit luar batang yang dinamakan 'bast' dan juga serat pendek yang lebih dikenali sebagai 'core' (70- 75 peratus) daripada bahagian dalam batang. Ia mampu mencapai ketinggian lima hingga lapan meter dan biasanya dituai dalam tempoh 120 hingga 150 hari selepas ditanam. Kenaf juga boleh dituai dalam tempoh antara 45 hingga 60 hari untuk dijadikan makanan ternakan memandangkan dalam usia itu, kandungan protein kasar dalam daunnya melebihi 20 peratus. Di Malaysia, antara jenis kenaf yang sesuai ditanam ialah V36, G4, KB6, Tainung, Quiping dan Khon Kaen 60. Jenis V36 diusahakan secara meluas di Malaysia kerana mempunyai ciri-ciri sesuai dengan iklim negara ini selain mempunyai serat bermutu tinggi. Kini, kenaf ditanam secara skala komersial di China, Myanmar, India, Bangladesh dan Thailand, namun di Malaysia, industri itu mula mendapat perhatian serius disebabkan keperluan sektor industri sebagai alternatif menggantikan bekalan bahan mentah tertentu, terutama kayu yang semakin sukar diperoleh.

Kenaf mempunyai pelbagai kegunaan dan secara tradisinya, ia sering dijadikan tali atau beg guni. Namun, dengan perkembangan industri serat dan gentian yang semakin meluas, kenaf mula mendapat perhatian untuk dijadikan bahan mentah bagi kegunaan lain. Antara kegunaannya ialah dijadikan bahan mentah dalam industri bio komposit sebagai bahan pembuatan untuk dek, permukaan meja, atap gentian, tingkap, pintu dan lantai serta perkakasan bagi produk elektronik dan komponen automotif termasuk pelapik utama pintu. Ahmad berkata, LKTN sekarang sedang berusaha untuk menanam keyakinan di kalangan penanam tembakau supaya beralih kepada kenaf memandangkan pelbagai bantuan kerajaan diberi kepada mereka, selain harga komoditi itu yang tinggi di pasaran. Katanya, LKTN terpaksa menolak beberapa tawaran daripada beberapa syarikat yang ingin mengadakan kerjasama mendapatkan bekalan kenaf kerana pengeluaran yang terhad. "Sekarang ini pun kita sudah keluarkan kempen untuk menggalakkan pekebun kecil menanam kenaf secara kecil-kecilan bagi mereka yang ada tanah satu atau dua hektar untuk tanaman kenaf ini dan kita tumpukan di Kelantan, Pahang dan Terengganu."

Diharapkan dengan kempen yang dilancarkan baru-baru ini akan menarik minat ramai penanam tembakau untuk terbabit dalam penanaman kenaf memandangkan sekarang ini minat itu masih kurang kerana persepsi tentang pulangan masih menghantui mereka, dan kita harap pada tahun seterusnya pengusaha kecil dan besar akan terbabit dalam penanaman ini. "Kita rasa mungkin ambil masa setahun dua lagi untuk dapat memenuhi sasaran matlamat permintaan daripada syarikat memandangkan pengeluaran kenaf masih terhad," katanya. Beliau berkata, LKTN juga menyediakan pelbagai insentif dan kemudahan kepada petani yang berhasrat mahu menceburi penanaman kenaf selari dengan hasrat kerajaan mahu meningkatkan pendapatan mereka. "Antara insentif yang diberi termasuk bantuan modal, sewa tanah, khidmat nasihat, biji benih percuma serta pembelian kenaf secara terus daripada petani melalui agensi ini.

"Pendek kata, penanam hanya perlu menggunakan tulang empat kerat mereka untuk mengusahakan serta menjaga tanaman ini tanpa perlu mengeluarkan wang sedikit pun. "Kita menyokong setiap petani yang mahu berubah angin kepada pertanian ini dan menerima dengan tangan terbuka, terutama bagi mereka yang mempunyai tanah terbiar untuk diusahakan dengan tanaman ini," katanya.



**PENANAM kenaf, Osman Abdullah, menunjukkan ketinggian pokok kenaf yang mencapai dua meter ketika ditemui di Kampung Permatang Tepung, Pekan, Pahang.**



**KETUA Unit Kenaf dan Logistik Lembaga Kenaf dan Tembakau (LKTN) Pasir Puteh, Mohd Zain Hussin menunjukkan kulit dan empulur kenaf yang belum diproses.**

**BERITA HARIAN**  
**online**

**2 Ogos 2011 (Selasa)**

### Nilai tanah projek PKFZ ambil kira semua kos



**LIONG Sik (kanan) tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.**

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) menaikkan penilaian sebidang tanah pajakan negeri di Lot 67894 di Pulau Indah, Klang

bagi projek **2 Ogos 2011 (Selasa)**. (PKFZ) daripada RM18 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi kepada RM21 selepas mengambil kira penilaian dua syarikat swasta. Bekas Ketua Pengarah Penilaian JPPH, Datuk Sahari Mahadi, 63, berkata, kenaikan itu juga dibuat selepas mengambil kira semua kos termasuk kos pembiayaan dan infrastruktur serta nilai khas iaitu perbelanjaan yang ditanggung penjual tanah yang perlu diambil kira untuk menaikkan nilainya. Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Tun Abd Majid Tun Hamzah pada sesi pemeriksaan utama berhubung penilaian keseluruhan tanah berkenaan, Sahari berkata, jika tanah itu dibeli dengan tunai ia dinilai dengan harga RM21, tetapi jika secara tunggakan, ia akan dinilai dengan harga  $RM25 \times 30.48 \text{ sm persegi}$ . Ditanya sama ada harga kedua-dua nilai itu sudah dikira dengan kadar faedah, saksi itu menjawab, "Ya, ia sudah dikira sebanyak enam peratus". Bekas Penolong Pengarah Penilaian JPPH Selangor, Teo Lee Lee dalam keterangannya berkata tanah berkeluasan 404.4 hektar itu dimiliki oleh Koperasi Pembangunan Pulau Lumut dan Kuala Dimensi Sdn Bhd. Lee Lee berkata, beliau membuat penilaian terhadap tanah itu sebanyak dua kali selepas KDSB mengemukakan laporan juru nilai swasta bagi penilaian semula, sehubungan itu ibu pejabat menghantar laporan penilaian itu ke pejabat JPPH negeri untuk mendapatkan komen dan pandangan.

"Dalam laporan itu menyatakan, syarikat Azmi & Co Sdn Bhd bertarikh 9 November 1998 menilai tanah itu dengan kadar nilai sebanyak RM29 x 30.48 sm persegi bagi 404.4 hektar. Bagi penilaian kedua, saya memberikan komen dan berpendapat penilaian itu adalah terlalu tinggi, sehubungan itu saya mengekalkan penilaian sebelum ini iaitu RM13.50 x 30.48 sm persegi bagi tanah kosong dan RM17 bagi tanah yang mempunyai jalan masuk utama serta infrastruktur. "Tanah dinilai kali kedua membabitkan kawasan sama, tetapi kerluasan lebih besar, saya masih mengekalkan nilai itu kerana saya tidak dapat mencari faktor sokongan yang boleh menaikkan penilaian tanah berkenaan," katanya. Beliau berkata demikian dalam perbicaraan terhadap bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liang Sik yang menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah untuk projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Asnawi bersambung hari ini.

**BERITA HARIAN**  
**online**

3 Ogos 2011 (Rabu)

### **Dr Mahathir dipanggil beri keterangan isu PKFZ**

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan dipanggil memberikan keterangan dalam perbicaraan kes penipuan RM1.08 bilion berkaitan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) membabitkan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liang Sik. Perkara itu dinyatakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Tun Abd Majid Tun Hamzah dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah Tinggi semalam ketika mengemukakan surat ditulis oleh Ling Sik kepada Dr Mahathir untuk disahkan saksi kedua pendakwaan iaitu bekas Ketua Pengarah Penilaian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Datuk Sahari Mahadi. Dalam kenyataan pembukaan dikemukakan pendakwaan kelmarin, Abd Majid berkata pihaknya akan menunjukkan tertuduh menulis surat itu yang memaklumkan bahawa rundingan di antara Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) sudah diadakan berhubung pembelian tanah berdasarkan syarat dan terma dipersetujui JPPH. Ling Sik dituduh menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah untuk projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara KDSB dan LPK. Dia dituduh melakukan kesalahan itu pada 25 September 2002 dan 6 November 2002 di Tingkat Empat, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya dan didakwa mengikut Seksyen 418 Kanun Keseksaan jika disabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun, denda atau kedua-duanya sekali. Sementara itu dalam keterangannya, Sahari berkata JPPH hanya memperaku faedah enam peratus bagi urusan penjualan sebidang tanah pajakan negeri di Lot 67894 di Pulau Indah untuk nilai tanah berharga RM25 bagi kerluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi.

Ketika ditanya Majid bagaimana faedah itu meningkat kepada 7.5 peratus berdasarkan kepada Dokumen 'Revised Proposal' dikemukakan KDSB kepada JPPH, Sahari berkata beliau tidak mengetahui perkara itu. Katanya, beliau juga tidak mengetahui bagaimana kerluasan tanah boleh meningkat daripada 332 hektar kepada 400 hektar dan nilai tanah juga meningkat daripada RM21 bagi kerluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi kepada RM25 berdasarkan kepada dokumen bertarikh 27 Disember 2001 dibawa oleh wakil KDSB kepada JPPH. Menjawab soalan balas daripada peguam Ling Sik, Wong Kian Kheong, Sahari berkata beliau bukan individu yang bertanggungjawab membuat pengiraan terhadap nilai tanah terbabit berjumlah 1.08 bilion membabitkan kos tanah, infrastruktur dan kos faedah. Katanya, pada setiap mesyuarat pasca Kabinet Kementerian Kewangan dalam tempoh perkhidmatannya selaku pengarah penilaian JPPH di antara November 2002 dan Disember 2003, beliau tidak pernah menyuarakan atau mengadu berhubung kos urusan pembelian tanah berkenaan yang melebihi apa yang dipersetujui.

**Minda Pengarang: Harap doktor pelatih dapat cukup rehat demi tugas**

RUNGUTAN mereka yang menjalani latihan pegawai perubatan siswazah atau 'housemanship' sudah lama kedengaran kerana ia bukan isu baru. Ramai doktor yang baru lulus ini meluahkan rasa tidak puas hati terhadap program amali dua tahun diwajibkan ke atas mereka. Antara rungutan sering ditimbulkan ialah berhubung sistem siap sedia atau 'on-call' yang terpaksa dilalui mereka yang boleh berlarutan sehingga 36 jam dengan kadangkala hanya sejam untuk waktu berehat. Keadaan ini sudah semestinya amat membebankan doktor muda ini, sekali gus memberi tekanan kepada mereka sehingga ada yang terlintas untuk meninggalkan kerjaya perubatan dan menceburji bidang lain. Namun bagi kebanyakan doktor pelatih ini, lebih-lebih lagi yang mengikuti pengajian dengan perbelanjaan sendiri, berpindah ke bidang lain bukanlah satu pilihan kerana tidak mahu menghamparkan ibu bapa yang sudah mengeluarkan ratusan ribu ringgit untuk membayai pengajian anak masing-masing. Tanpa pilihan lain, kebanyakan doktor pelatih ini memaksa diri mengharungi suasana kerja yang hanya membenarkan mereka tidur dua atau tiga jam sehari, itupun secara bergilir dengan doktor pelatih lain.

Keadaan tidak sempurna ini terbukti menjaskan tahap kesihatan doktor pelatih dengan statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan dua daripada tiga mengalami stres menyebabkan lebih separuh daripada mereka berniat meninggalkan bidang perubatan. Sekiranya berterusan sudah semestinya negara akan kerugian modal insan yang amat berharga ini yang sudah mengambil banyak masa diberi latihan. Berikut itu keputusan kerajaan mengurangkan jumlah waktu kerja doktor pelatih ini daripada 90 jam seminggu kepada 54 jam seperti dilaporkan akhbar ini kelmarin, pastinya cukup melegakan dan amat dinanti-nantikan doktor muda ini. Bahkan jumlah waktu kerja baru itu lebih baik daripada yang dilalui oleh doktor pelatih di Eropah iaitu maksimum 56 jam seminggu. Adalah diharapkan pengurangan jumlah waktu kerja ini dilakukan berikutan nisbah doktor-pesakit di hospital di negara ini sudah diperbaiki berbanding pada tahun sebelum ini. Jika nisbah itu masih berada pada tahap lama ia hanya bermakna memindahkan beban kerja doktor pelatih kepada doktor tetap, meruncingkan lagi masalah kekurangan doktor sehingga menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan rawatan. Kalau benar nisbah berkenaan sudah meningkat, adalah diharapkan suasana kerja yang lebih sempurna untuk doktor pelatih dan doktor tetap ini mampu meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di hospital.

**Pulau Pinang pulang royalti RM 1.7j**

GEORGETOWN: Mahkamah Tinggi Pulau Pinang semalam mengarahkan Kerajaan DAP Pulau Pinang dan Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) membayar balik **royalti RM1.753 juta** kepada firma operator kuari yang dibekukan operasinya bagi membantu siasatan dakwaan berhubung kekurangan pembayaran royalti, dua tahun lalu. Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Yaacob Md Sam, membuat keputusan memihak kepada Batu Tiga Quarry Sdn Bhd dan pemilik tanah kuari itu, Ban Seng Huat Sdn Bhd selepas meneliti hujah plaintif dan defendant. Yaacob dalam keputusannya mendapat **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir negeri, Law Choo Kiang tidak dilantik mengikut tatacara yang betul** untuk menyiasat perkara itu. "Oleh kerana defendant tidak melakukan siasatan dengan tatacara yang betul, maka hasil siasatan yang dikeluarkan tidak boleh dipertahankan berdasarkan kepada amalan undangundang," katanya.

Pada 2009, kerajaan negeri membekukan operasi tiga syarikat kuari di SPT berkuatkuasa bagi menjalankan siasatan berhubung dakwaan kekurangan pembayaran royalti. Pasukan khas untuk menyiasatnya diketuai Choo Kiang dan mereka mengambil tempoh kira-kira dua minggu untuk menyelesaikannya. Keputusan membekukan operasi tiga syarikat itu dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri, selain itu firma terbabit turut diarahkan membayar RM1.753 juta kepada kerajaan negeri selepas siasatan mengenainya selesai. Yaacob berkata, plaintif yang diwakili Tharminder Singh berhujah bahawa kerajaan negeri tidak mengikut prosedur di bawah Kanun Tanah Negara ketika melantik Choo Kiang untuk mengetuai siasatan menyebabkan hasil siasatan tidak sah. "Oleh itu, defendant diarahkan membayar semula kepada plaintif jumlah terbabit dengan faedah pada kadar lapan peratus setahun," katanya. Yaacob turut mengarahkan defendant membayar semua kerugian ditanggung plaintif. Kerajaan negeri dan Pejabat Tanah SPT diwakili Muhd Ilmani Ahmad.

**BERITA HARIAN**  
**online**

3 Ogos 2011 (Rabu)

### **Pemaju guna kayu tiada kualiti**

RAWANG: Pemilik 126 unit rumah teres dan berkembar di Taman Pinggiran Pelangi Fasa 2B, di sini, kesal kerana pemaju perumahan menggunakan kayu yang tidak kukuh bagi membina kekuda bumbung rumah mereka. Penduduk yang ditemui berkata, penggunaan kayu dari jenis bercampur dan mengandungi kayu gubal seperti disahkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (LPKM) itu, merisaukan mereka kerana dikhuatiri tidak dapat bertahan lama untuk menampung berat atap genting yang dianggarkan empat tan. Pengerusi Penaja Persatuan Penduduk Taman Pinggiran Pelangi Fasa 2B, Mazlan Mohamed Amin, berkata penduduk sudah membuat aduan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), akhir Mei lalu selepas mengetahui kayu digunakan sebagai kekuda bumbung, bukan daripada jenis SG 2 seperti dalam pelan pemaju. Beliau berkata, selepas Jurutera Kanan KP KT bersama wakil Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengadakan lawatan, pemaju mengakui kesilapan itu berpunca daripada mereka dan bersetuju menggantikan kekuda bumbung yang rosak di unit kediaman di taman terbabit. "Apa yang kami kesalkan, pemaju masih mengambil langkah mudah dengan 'menampal' lapisan kayu baru yang kualitinya hampir sama dengan kayu gubal pada lapisan lama kekuda bumbung tanpa menggantikannya seperti dijanjikan," katanya kepada Sentral di sini.

Beliau berkata, MPS terpaksa memberi kata putus kepada pemaju dalam satu mesyuarat minggu lalu, untuk memilih sama ada bersedia menggantikan kesemua kekuda bumbung di Taman Pinggiran Pelangi Fasa 2B atau menerima risiko projek mereka yang masih berjalan di kawasan sekitar, dihentikan. Mazlan berkata, penduduk kesal dengan sikap pemaju yang enggan memperbetulkan kesalahan mereka, menyebabkan pembeli menghadapi risiko kejadian bumbung runtuh. "Kami dimaklumkan, kos membaiki kekuda bumbung itu membabitkan antara RM30,000 hingga RM50,000 bagi sesbuah rumah dan pembeli enggan menanggung kos ini kerana kesilapan itu bukan berpunca daripada mereka," katanya. Sementara itu, seorang lagi penduduk, Norhisham Saifuddin Rezam, berharap masalah itu dapat diselesaikan segera bagi mengelakkkan penduduk membawa isu itu ke Tribunal Pengguna. "Penduduk kesal dengan sikap pemaju, kediaman ini baru saja diduduki tidak sampai setahun, tetapi sudah timbul pelbagai masalah. Sekiranya mereka bertanggungjawab, kami tidak perlu hidup dalam kerisauan ketika mendiami rumah ini," katanya. RAWANG: Pemilik 126 unit rumah teres dan berkembar di Taman Pinggiran Pelangi Fasa 2B, di sini, kesal kerana pemaju perumahan menggunakan kayu yang tidak kukuh bagi membina kekuda bumbung rumah mereka. Penduduk yang ditemui berkata, penggunaan kayu dari jenis bercampur dan mengandungi kayu gubal seperti disahkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (LPKM) itu, merisaukan mereka kerana dikhuatiri tidak dapat bertahan lama untuk menampung berat atap genting yang dianggarkan empat tan.

Pengerusi Penaja Persatuan Penduduk Taman Pinggiran Pelangi Fasa 2B, Mazlan Mohamed Amin, berkata penduduk sudah membuat aduan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), akhir Mei lalu selepas mengetahui kayu digunakan sebagai kekuda bumbung, bukan daripada jenis SG 2 seperti dalam pelan pemaju. Beliau berkata, selepas Jurutera Kanan KP KT bersama wakil Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengadakan lawatan, pemaju mengakui kesilapan itu berpunca daripada mereka dan bersetuju menggantikan kekuda bumbung yang rosak di unit kediaman di taman terbabit. "Apa yang kami kesalkan, pemaju masih mengambil langkah mudah dengan 'menampal' lapisan kayu baru yang kualitinya hampir sama dengan kayu gubal pada lapisan lama kekuda bumbung tanpa menggantikannya seperti dijanjikan," katanya kepada Sentral di sini.

Beliau berkata, MPS terpaksa memberi kata putus kepada pemaju dalam satu mesyuarat minggu lalu, untuk memilih sama ada bersedia menggantikan kesemua kekuda bumbung di Taman Pinggiran Pelangi Fasa 2B atau menerima risiko projek mereka yang masih berjalan di kawasan sekitar, dihentikan. Mazlan berkata, penduduk kesal dengan sikap pemaju yang enggan memperbetulkan kesalahan mereka, menyebabkan pembeli menghadapi risiko kejadian bumbung runtuh. "Kami dimaklumkan, kos membaiki kekuda bumbung itu membabitkan antara RM30,000 hingga RM50,000 bagi sebuah rumah dan pembeli enggan menanggung kos ini kerana kesilapan itu bukan berpunca daripada mereka," katanya. Sementara itu, seorang lagi penduduk, Norhisham Saifuddin Rezam, berharap masalah itu dapat diselesaikan segera bagi mengelakkan penduduk membawa isu itu ke Tribunal Pengguna. "Penduduk kesal dengan sikap pemaju, kediaman ini baru saja diduduki tidak sampai setahun, tetapi sudah timbul pelbagai masalah. Sekiranya mereka bertanggungjawab, kami tidak perlu hidup dalam kerisauan ketika mendiami rumah ini," katanya.



Khamis, 4 Ogos, 2011

## ITFC ganti duit hiburan

PELAKSANAAN Insentif Tayangan Filem Cerek (ITFC) kepada penggiat filem bagi menggantikan pemulangan duti hiburan menimbulkan reaksi berbeza di kalangan pengeluar filem. Akibat daripada pemberhentian pemberian duti hiburan, ada dikalangan penggiat filem mendakwa mengalami kerugian besar apabila sumber pendapatan daripada duti hiburan tidak lagi diterima. Bayaran duti hiburan diperkenalkan pada 1 Julai 1987 menerusi perjanjian persefahaman (MOU) dengan kerajaan negeri, bukan perjanjian bertulis yang dimuktamadkan menerusi akta atau undang-undang. Berkuat kuasa 2000, kerajaan negeri enggan memulangkan cukai hiburan, menyebabkan pembayaran duti dengan tidak semena mena menjadi tanggungan kerajaan persekutuan menerusi perbelanjaan tahunan yang diperuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS). Mengikut carta dibentangkan oleh Timbalan Ketua Pengarah FINAS, Fatimah Ahmad baru-baru ini, pada 2005 sahaja, FINAS terpaksa memperuntukan **RM2,548,783** daripada kutipan tiket melalui Skim Wajib Tayang yang berjumlah RM26,604,747.

Selepas 10 tahun, pembayaran duti hiburan meningkat berlipat kali ganda apabila FINAS terpaksa membayar balik duti hiburan berjumlah RM12,834,809 kerana jumlah kutipan filem meningkat iaitu sebanyak RM73,925,540. Fatimah berkata, FINAS tidak mampu menanggung pemberian duti hiburan kerana bajet diberikan kerajaan sebanyak RM35 juta tidak mencukupi apabila ia turut merangkumi pembayaran gaji kakitangan agensi itu selain pelbagai aktiviti dianjurkan perbadanan berkenaan. Pembayaran balik duti hiburan hanya mampu dilakukan sekiranya kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta. "Penggiat filem sudah tahu mengenai pelaksanaan ITFC pada Malam Penghargaan Industri Perfileman 2011, Jun lalu. Kami mengambil sedikit masa mengumumkan me-njenai perkara ini bagi memperhalusi kaedah ini agar dapat memenuhi kehendak pengeluar filem.

"Penerbit seharusnya bersyukur kerana ITFC diwujudkan atas budi bicara atau ihsan kerajaan untuk membantu menggalakkan lagi penerbit filem untuk terus menghasilkan filem cereka tempatan. Bagi syarikat produksi yang sering menghasilkan filem pecah panggung, mereka boleh berdiri dengan sendirinya tanpa bantuan kerajaan. "Filem yang ditayangkan di pawagam bermula 1 Julai layak mendapat wang insentif ini tetapi mereka perlulah memenuhi syarat iaitu filem tempatan yang melalui Skim Wajib Tayang," katanya. Pengarah dan produser Skop Production, Datuk Yusof Haslam berkata, penerbit perlu akur kerajaan tidak lagi mampu memulangkan duti hiburan akibat perkembangan industri perfilman yang kian membanggakan. "Bagi saya adalah adil jika filem besar hanya dibayar sebanyak RM500,000. Walaupun jika mengikut bayaran duti hiburan, kami boleh menerima lebih banyak dari itu. Tetapi saya tetap puas hati kerana sekurang-kurangnya kerajaan masih lagi mempunyai belas kasihan." katanya. Pada majlis yang turut menyaksikan pengagihan Jalur Gemilang kepada persatuan hiburan yang terdapat di Malaysia. Antara tetamu yang hadir pada majlis itu ialah Jurey Latif Rosli, Datuk Suhaimi Baba, M Daud Wahid, Gayatri Su-Lin Pillai dan Yusof Kelana.

#### INFO ITFC

\* Bagi kutipan kasar berjumlah RM2 juta dan kurang, insentif yang akan diberikan sebanyak 10 peratus daripada kutipan kasar itu atau kos pembiayaan salinan filem sebanyak RM3,500 setiap salinan, tertakluk kepada maksimum 40 salinan.

\* Filem yang mencatat kutipan kasar RM2 juta hingga RM4 juta, insentif yang akan diberikan adalah sebanyak 10 peratus daripada hasil kutipan kasar.

\* Filem yang catat kutipan kasar melebihi RM4 juta hingga RM 6 juta, 10 peratus akan diberikan bagi kutipan RM4 juta pertama, dan lima peratus lagi bagi kutipan seterusnya tetapi tidak melebihi RM 6 juta.

\* Filem yang mencatat kutipan melebihi RM6 juta pula, insentif yang layak diberikan hanyalah sebanyak RM500,000.

#### Duti Hiburan

\* RM2.5 juta daripada jumlah kutipan kasar filem RM26.6 juta pada tahun 2005.

\* RM12.8 juta daripada jumlah kutipan kasar filem RM73.9 juta pada 2010.



Khamis, 4 Ogos, 2011

#### Surat Liong Sik kepada Dr M tak nyata nilai sebenar tanah

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, kandungan surat ditulis Tun Dr Ling Liong Sik kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung pembelian sebidang tanah bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang tidak mengikut penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan. Bekas Ketua Pengarah JPPH, Datuk Mani Usilapan, berkata ada enam daripada 10 terma dalam lampiran surat berhubung persetujuan bersama pemilik tanah Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), tidak diperakui JPPH melalui penilaian jabatan itu terhadap tanah di Lot 67894 di Pulau Indah, Klang. Usilapan berkata, antaranya ia menyatakan kadar pembelian tanah ialah RM25 bagi 30.48 sentimeter (sm) persegi seperti dipersetujui JPPH sedangkan JPPH dalam penilaianya hanya memperakunkan pembelian tanah RM21 bagi keluasan sama.

Beliau berkata, terma dalam lampiran melalui surat bertarikh 29 Jun 2002 itu juga menyatakan keluasan tanah adalah 399.8 hektar, berbeza dengan keluasan tanah di kawasan sama yang dinilai JPPH iaitu 404.4 hektar. Beliau berkata, kadar faedah seperti dinyatakan dalam lampiran itu adalah 7.5 peratus bagi tempoh pembayaran balik secara tunggakan selama 15 tahun selepas pendahuluan 10 peratus dibayar sebagai earnest money, berbeza dengan apa yang diperakui dalam penilaian JPPH iaitu faedah enam peratus bagi tempoh 10 tahun. Liong Sik dituduh menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara KDSB dan LPK. Dia dituduh melakukan kesalahan itu pada 25 September 2002 dan 6 November 2002 di Tingkat Empat, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya dan didakwa mengikut Seksyen 418 Kanun Keseksaan jika disabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun, denda atau kedua-duanya sekali. Menjawab soalan peguam Wong Kian Kheong yang mewakili Ling, Usilapan berkata, tiada statistik yang menunjukkan peratusan berhubung penilaian JPPH yang diikuti oleh agensi kerajaan, sepanjang tempoh perkhidmatannya di jabatan berkenaan. Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Asnawi bersambung hari ini.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 5 Ogos, 2011

### **Sebahagian besar sasaran NKRA dicapai**

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan enam **Bidang Keberhasilan Utama Negara** (NKRA) yang dilaksanakan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) mencatat perkembangan memberangsangkan sejak diperkenalkan pada 2010 sehingga tempoh separuh pertama tahun ini. Berdasarkan maklumat terkini Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), semua NKRA berada dalam landasan tepat dengan sebahagian besar sasaran Petunjuk Prestasi Utama Nasional (NKPI) berjaya dicapai, termasuk yang mencatat keputusan lebih baik daripada jangkaan. Pengarah NKRA Mengurangkan Jenayah, Eugene Teh Yee, berkata jenayah indeks menurun 9.6 peratus pada Januari hingga Jun, berbanding tempoh sama tahun lalu, manakala jenayah jalanan merosot 41.6 peratus kepada 11,299 kes, berbanding 19,346 kes bagi tempoh sama pada 2009 yang menjadi tanda aras. "Perasaan takut rakyat menjadi mangsa jenayah menurun secara keseluruhan di mana hasil kaji selidik dari Mac sehingga Mei lalu mendapati kadar kebimbangan berkurangan dari 58.5 peratus pada Disember 2009 kepada 48.9 peratus. "Persepsi awam terhadap prestasi polis pula meningkat berdasarkan kaji selidik pada Mei lalu apabila 55 peratus responden berpuas hati dengan perkhidmatan polis," katanya pada sesi pembentangan, di sini semalam.

Pengarah NKRA Membanteras Rasuah, Ravindran Devagunam, pula berkata sehingga Jun lalu, sebanyak 26 syarikat menandatangani Ikrar Integriti Korporat, termasuk 13 daripada 19 Projek Permulaan (EPP) yang diumumkan April lalu di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Di samping itu, 1,951 daripada 2,324 atau 84 peratus kontrak kerajaan yang dianugerahkan kini tertakluk kepada Pakatan Integriti Kementerian Kewangan. Setakat ini, sudah ada 237 nama dalam pangkalan data pesalah rasuah, mengatasi sasaran tahun ini sebanyak 100. Bagi NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar, inisiatif literasi dan numerasi di bawah Program Literasi dan Numerasi (LINUS) berjaya memenuhi sasaran lebih cepat daripada yang dijangkakan bagi tahun ini. "Sasaran untuk celik huruf ialah 95 peratus menjelang akhir tahun ini dan sudah mencapai 90 peratus pada separuh pertama tahun ini. Sasaran numerasi 95 peratus berjaya dipenuhi Jun lalu," kata Pengaruhnya, Tengku Azian Tengku Shahriman. Pengarah NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Dr Chua Hong Teck, berkata 100 peratus sasaran Jun lalu tercapai bagi NKPI membangunkan usahawan wanita membabitkan seramai 430 orang, di mana seramai 1,000 usahawan wanita dijangka dilahirkan menjelang akhir tahun ini. "Dari segi membina semula rumah terbengkalai serta Rumah Mesra Rakyat, 100 peratus sasaran suku kedua tahun ini dicapai," katanya.

Pengarah NKRA Mempertingkat Infrastruktur Asas Luar Bandar, Teh Yee pula berkata, sehingga Jun lalu, 474.4 kilometer jalan luar bandar di seluruh negara sudah dibina. Sementara itu, Pengarah NKRA Mempertingkat Pengangkutan Awam Di Bandar, Ahmad Suhaili Idrus, berkata penumpang rel RapidKL laluan Kelana Jaya dan Ampang, monorel, KTM komuter serta Transit Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur meningkat sebanyak 15.7 peratus atau 79,269 penumpang pada Januari hingga Mei lalu berbanding tempoh sama tahun lalu.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 5 Ogos, 2011

### **Empat set tren elektrik beroperasi September**

EMPAT set pertama daripada 38 set unit tren elektrik (EMU) enam gerabak yang dibeli Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dari China untuk digunakan bagi perkhidmatan komuter, membabitkan pelaburan keseluruhan RM1.9 bilion, akan beroperasi September ini. Pengarah NKRA, Bahagian Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar, Ahmad Suhaili Idrus, berkata, menerusnya ia akan mengurangkan secara berperingkat ma salah perkhidmatan komuter yang tidak cekap ketika ini. "Di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi pengangkutan awam, kerajaan memutuskan meningkatkan mutu perkhidmatan KTM Komuter sebanyak empat kali ganda melalui pembelian 38 EMU enam gerabak. "Bagi merealisasikan matlamat itu, empat unit pertama akan tiba dan beroperasi September ini, manakala bakinya secara berperingkat sehingga Jun 2012. "Apabila semua 38 EMU itu beroperasi, ia dijangka memenuhi sasaran KTMB mengurangkan masa menunggu kepada 10 minit pada waktu puncak, sekali gus meningkatkan mutu perkhidmatan KTM komuter," katanya pada taklimat media di Kuala Lumpur semalam.

Ketika ini, kekerapan perkhidmatan KTM komuter adalah sekitar 15 minit, namun dengan adanya 38 EMU yang akan beroperasi secara berperingkat itu, ia akan mengurangkan masa menunggu. Difahamkan, KTMB yang kini mempunyai 50 unit EMU dengan antara 22 hingga 26 unit beroperasi manakala selebihnya sedang diselenggara, akan menggunakan 38 set EMU itu bagi memenuhi peningkatan penumpang dan penambahan laluan baru seperti Seremban ke Gemas, Sentul ke Batu Caves, dan Rawang ke Tanjung Malim. Setiap tren baru dibina CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co Ltd (CSR ZELC) dengan rekaan futuristik, mampu membawa kirakira 900 penumpang berbanding 300 penumpang ketika ini. Terdahulu dalam pembentangannya, Ahmad Suhaili berkata, kadar penggunaan sistem pengangkutan tren di Lembah Klang makin bertambah dari masa ke semasa sejajar peningkatan mutu perkhidmatan tren. "Sebagai contoh penumpang sistem aliran transit ringan (LRT) bagi laluan Kelana Jaya dan Ampang memperlihatkan peningkatan 15.7 peratus atau 79,269 orang penumpang dari Januari hingga Mei lalu berbanding tempoh yang sama tahun lalu 2010," katanya.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 5 Ogos, 2011

### **Kajian projek kereta api laju siap bulan depan**

**SURUHANJAYA Pengangkutan Awam Darat (SPAD)** akan menyiapkan kajian daya maju awal projek kereta api laju antara Kuala Lumpur dan Singapura pada bulan depan. Hasil kajian itu akan dibentangkan kepada Kabinet untuk diteliti sebelum diluluskan untuk dilaksanakan, kata Pengarah NKRA, Bahagian Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar, Ahmad Suhaili Idrus (kanan). Beliau berkata, jika Kabinet berpuas hati dengan hasil kajian SPAD menerusi perkhidmatan sebuah firma perunding profesional itu, kajian penilaian se lanjutnya berhubung daya maju pe laksanaan projek HSR itu akan di mulakan sebelum akhir tahun ini.

"Kajian daya maju peringkat awal projek kereta api laju antara KL dan Singapura akan siap pada 19 Ogos ini sebelum ia dikemukakan kepada Kabinet. "Jika kerajaan berpuas hati mengenainya, kami (NKRA Bahagian Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar dan SPAD) berharap kajian penilaian selanjutnya akan dilaksanakan sebelum akhir ini," katanya pada taklimat media berhubung kemajuan terkini Program Transformasi Kerajaan untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini, di Kuala Lumpur semalam. Beliau berkata, menerusi kajian penilaian selanjutnya itu, ia akan membolehkan kerajaan membuat keputusan mengenai koridor serta lokasi stesen utama yang bakal dibangunkan di antara laluan Kuala Lumpur dan Singapura. Difahamkan, kajian peringkat awal projek itu antara lain meliputi pelbagai isu seperti kesan sosial, ekonomi dan teknologi sehingga kepada aspek kawal selia projek. Penganalisis ketika dihubungi berkata, projek itu, jika menjadi kenyataan dijangka membabitkan kos antara RM10 hingga RM13 bilion yang mana antara RM3 hingga RM4 bilion adalah untuk pembinaan infrastruktur, manakala sekitar RM8 hingga RM9 bilion kos pengambilalihan tanah.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Jumaat, 5 Ogos, 2011

### Syor kerajaan sewakan tanah

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi diberitahu semalam, kerajaan dicadangkan membeli 332 hektar tanah di Lot 67894 di Pulau Indah, Klang dan menyewanya kembali kepada Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) kerana LPK tidak mampu membeli secara terus berikutan kedudukan kewangan agensi itu. Bekas Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Kementerian Pengangkutan, Datuk Abdul Rahman Mohd Noor, berkata walaupun kerajaan memberikan subsidi 50 peratus kepada LPK bagi pembelian tanah terbabit, lembaga berkenaan masih berada dalam keadaan defisit. Katanya, perkara berkenaan terkandung dalam ringkasan melalui memorandum yang dihantarnya kepada bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr Ling Liong Sik pada 18 Mei 1999 selepas mempengerusikan mesyuarat bersama wakil pemilik tanah, Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) pada 24 April tahun sama. Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Tun Abd Majid Tun Hamzah pada sesi pemeriksaan utama, saksi keempat pendakwaan itu berkata pada mesyuarat itu juga keputusan dicapai supaya cadangan berkenaan dibawa kepada Kabinet bagi kelulusan jika mendapat persetujuan menteri.

Beliau berkata demikian ketika memberikan keterangan terhadap Liong Sik yang dituduh menipu dengan memperdaya Jemaah Menteri memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah untuk projek PKFZ mengikut terma dipersetujui antara Kuala Dimensi Sdn Bhd dan LPK. Abdul Rahman berkata, melalui mesyuarat dipengerusikan bekas Setiausaha Bahagian Penyelaras Syarikat MKD Kementerian Kewangan, Abdul Rahim Mokti pada 2 November 2002, Abdul Rahim mencadangkan LPK membeli tanah terbabit dengan mendapatkan pinjaman daripada kerajaan. Katanya, LPK diminta mengemukakan aliran tunai bagi menentukan sama ada mereka mampu membiayai pinjaman berkenaan selain turut disarankan mengeluarkan bon bagi tujuan terbabit. Katanya, beliau menghantar memorandum kepada Liong Sik hasil keputusan mesyuarat itu pada 6 November 2002 yang menyatakan antara lain cadangan tanah berkenaan dibeli secara tunai, Kementerian Kewangan akan berunding dengan KDSB berhubung kadar pembelian dan pembayaran secara tunai menjadikan kadarnya RM21 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi. Perbicaraan di depan Hakim Datuk Ahmad Asnawi bersambung hari ini.

## Pusat borong RM200j di Perak

BANDAR Seri Iskandar di Perak bakal memiliki kawasan beli-belah ala Nilai 3 Negeri Sembilan, susulan pembangunan sebuah pusat jualan borong yang dikenali sebagai Pusat Borong Markas Zon Utara yang bernilai kira-kira **RM200 juta**. Ia bakal menjadi tarikan baru di Perak khususnya di Perak Tengah dan dijangka mampu menyediakan sehingga 5,000 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Kemudahan yang akan dibangunkan oleh syarikat pemaju, Setia Awan Holdings dengan kerjasama Persatuan Peniaga Nilai 3 itu, akan menawarkan 222 unit kedai di kawasan seluas kira-kira 19.2 hektar. Projek itu, yang menjadi sebahagian komponen Projek Seri Iskandar Business Centre (SIBC), akan disiapkan menjelang pertengahan tahun depan. Apabila siap kelak ia dijangka berupaya menarik kedatangan sehingga tiga juta pelancong tempatan ke bandar itu, terutama dari negeri lain seperti Pulau Pinang dan Kedah. Pengarah Syarikat Setia Awan Holdings, Marcus Doh, berkata SIBC adalah projek yang dibangunkan di kawasan seluas 32 hektar dengan kos pelaburan RM300 juta yang bakal mewujudkan sebuah bandar baru yang serba moden di Daerah Perak Tengah. "Selain 600 unit kedai pejabat, projek ini turut menyediakan kemudahan pasar raya, hotel serta panggung wayang yang bakal menjadi tarikan utama.

"Dengan wujudnya konsep Nilai 3 di Seri Iskandar, ia akan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan, justeru membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitarnya," katanya kepada media selepas majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara Setia Awan Holdings dan Persatuan Peniaga Nilai 3 di Ipoh, semalam. Pada majlis itu, Doh mewakili Setia Awan Holdings manakala Persatuan Peniaga Nilai 3 diwakili Pengurusnya, Dr Tee Boon Thiam. Ia disaksikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambray Abdul Kadir. Sementara itu, Zambray berkata, projek membabitkan kerjasama sektor swasta itu memberi tarikan terbaru di Perak Tengah, khususnya di Seri Iskandar dan akan memberi saingan kepada Manjung pada masa akan datang. "Kawasan yang dibina akan menjadi pusat pembangunan dan pusat perniagaan baru di Seri Iskandar. Menerusinya, pelbagai kemudahan yang akan dibina dan ia menjadi tarikan baru ke Perak. "Dijangkakan, projek berkenaan dapat menarik kira-kira tiga juta pelancong dalaman. Justeru, saya menasihatkan kepada pemaju dan pelabur supaya memberi nilai tambah atau nilai kreatif di tempat berkenaan untuk menarik lebih ramai pengunjung," katanya. Zambray berkata Seri Iskandar dipilih sebagai lokasi projek berkenaan susulan inisiatif kerajaan negeri yang mahukan pembangunan diagihkan ke seluruh negeri dan tidak tertumpu di Ipoh semata-mata.

## Kementerian Kewangan bantah beli tanah PKFZ

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi diberitahu semalam, arahan Kabinet berhubung proses pembelian tanah seluas 404.6 hektar di Lot 67894 di Pulau Indah, Klang bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) ditangguhkan berikutkan mendapat bantahan daripada Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Bekas Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan, Kementerian Pengangkutan, Datuk Abdul Rahman Mohd Noor, berkata, keputusan Kabinet melalui mesyuarat pada 2 Oktober 2002 dibantah Kementerian Kewangan kerana ia mahukan tanah berkenaan diperoleh melalui proses pengambilan balik oleh kerajaan. Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah pada sesi pemeriksaan utama sama ada bantahan Kementerian Kewangan itu mendapat sokongan daripada mana-mana pihak, Abdul Rahman berkata:

"Kementerian Kewangan meminta pandangan daripada Jabatan Peguam Negara." Katanya, selepas Kabinet membuat keputusannya, Perbendaharaan Kementerian Kewangan menyediakan nota bagi memberikan hujahnya mengapa kerajaan harus mengambil tindakan melalui pengambilalihan tanah berkenaan. Ditanya Tun Abdul Majid bagaimana dengan proses pengambilan tanah pula, saksi itu menjawab, "Tidak ingat". Katanya, keputusan Kabinet bagi pembelian tanah itu pula berdasarkan terma dan persetujuan di antara Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) iaitu dengan harga RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi. Abdul Rahman berkata demikian dalam perbicaraan terhadap bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr Ling Liang Sik yang dituduh menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) mengikut terma dipersetujui di antara KDSB dan LPK.

Liong Sik dituduh melakukan kesalahan itu pada 25 September 2002 dan 6 November 2002 di Tingkat Empat, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya dan dituduh mengikut Seksyen 418 Kanun Keseksaan yang jika disabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun, denda atau kedua-duanya. Menjawab soalan, Abdul Rahman berkata, beliau turut mengetua jawatankuasa yang menyediakan nota Kabinet yang menyatakan KDSB pada 5 Oktober 2000 memberikan pengesahan kepada Kementerian Pengangkutan bahawa harga dan syarat pembelian tanah adalah seperti dipersetujui dengan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Abdul Rahman berkata, nota itu juga menyatakan pada 20 Jun 2002, Liong Sik memaklumkan kepada Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung hasil rundingan dengan KDSB dan memohon pembelian berdasarkan terma serta syarat dipersetujui itu. Perbicaraan di depan Hakim Datuk Ahmad Asnawi bersambung hari ini.



Selasa, 9 Ogos, 2011

## Rumah RM42,000 bagi gaji bawah RM2,500

SEREMBAN: Golongan berpendapatan rendah di negeri ini berpeluang memiliki rumah bernilai RM42,000 ditawarkan kerajaan negeri menerusi projek Rumah Harga Rendah (RHR). Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata projek itu dikhaskan kepada golongan berpendapatan RM2,500 ke bawah. Beliau berkata, kerajaan negeri turut mengenakan syarat 30 peratus daripada projek perumahan dilaksanakan pemaju swasta diperuntukkan kepada RHR. "Menerusi syarat ini, golongan berpendapatan rendah yang layak akan berpeluang memiliki rumah sendiri," katanya ketika menjawab soalan lisan Datuk Awaludin Said (BN-Kota) pada Persidangan Kedua Penggal Keempat DUN Ke-12 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, golongan berpendapatan rendah turut ditawarkan menyewa atau memiliki rumah melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan Jabatan Perumahan Negara (JPN). Beliau berkata, sehingga Jun lalu, JPN membina 420 unit rumah PPR di Senawang dekat sini, untuk disewa, manakala 150 unit lagi dalam pembinaan di Ladang Siliau, Port Dickson untuk dijual kepada mereka yang layak. "Golongan berpendapatan rendah yang mempunyai tanah sendiri pula, mereka boleh memohon bantuan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) JPN. "Skim ini menawarkan pinjaman maksimum hingga RM20,000 bagi membina rumah dengan tempoh bayaran balik maksimum sehingga 20 tahun," katanya. Beliau berkata, pinjaman bagi RM10,000 yang pertama tidak akan dikenakan caj, manakala RM10,000 yang kedua hanya dikenakan caj empat peratus.

**LHDN perlu dijenama semula hadapi tuntutan semasa**

USAHA kerajaan melonjakkan kerancakan ekonomi negara untuk berdaya saing dan berada di tahap pertumbuhan mapan menyaksikan Malaysia terpaksa menempuh realiti dan cabaran semasa, sama ada yang bersifat nasional atau global. Sekiranya cabaran berkenaan tidak ditangani dengan betul, ia sudah pasti akan menjelaskan perjalanan ke arah pencapaian matlamat negara maju berpendapatan tinggi. Antara realiti dan cabaran semasa yang berpotensi menjadi halangan ke arah pencapaian negara maju berdasarkan tempoh masa yang hanya tinggal kurang daripada 10 tahun saja, antaranya modal pelaburan dan bakat modal insan yang sedang mengalir keluar, defisit fiskal yang meningkat, kadar upah yang tidak berkembang, kadar pengangguran di kalangan siswazah yang semakin bertambah dan prospek pertumbuhan ekonomi yang sentiasa mempunyai kemungkinan untuk kembali kepada tahap yang lemah. Sehubungan itu, semua kementerian, jabatan, agensi dan anggota kerajaan perlu menangani cabaran berkenaan secara bersama.

Pada masa sama, setiap sektor dalam jentera pentadbiran kerajaan perlu membentuk kesepaduan untuk menangani cabaran berkenaan mengikut ketetapan fungsi dan peranan masing-masing dalam memastikan kelancaran perjalanan ke arah wawasan unggul yang disasarkan. Berteraskan kepada perkembangan dan keperluan melonjakkan ekonomi negara, pencapaian cemerlang pelan transformasi negara dan realiti serta cabaran semasa yang dihadapi oleh negara, maka adalah jelas tonggak utama yang memainkan peranan penting dalam arus perdana pembangunan negara ini ialah entiti asas yang mendukung kerajaan itu sendiri iaitu seluruh kementerian, badan berkanun serta agensi kerajaan termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Dalam konteks ini, semua pekerja sektor awam perlu digerak sederap, tidak terkecuali warga kerja LHDN. Mereka sedang memikul satu tanggungjawab besar yang berperanan sebagai ejen kutipan cukai langsung bagi pihak kerajaan. LHDN antara tulang belakang utama kerajaan yang bekerja untuk menjana sumber kewangan negara. Agensi ini mempunyai sasaran di dalam kutipan cukai yang akan memberi kesan secara langsung kepada agenda pembangunan negara terutama pelbagai program transformasi dan inisiatif di bawah pelbagai pendekatan baru yang diutamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bagi mencapai hasrat berkenaan, aspirasi barisan kepemimpinan LHDN untuk membawa organisasi bergerak dengan lebih pantas ke hadapan dalam rangka kerja mantap dan bersinergi adalah satu dorongan dan pasak utama ke arah perwujudan sebuah negara maju. Banyak perubahan sedang dilaksanakan oleh LHDN baik secara dalaman maupun secara luaran kerana organisasi ini sedar dan sensitif terhadap perubahan pesat yang sedang berlaku dalam persekitaran yang memerlukan warga kerjanya membuat anjakan paradigma luar biasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. "Sesungguhnya, senario yang berlaku di LHDN dengan sendirinya menjelaskan betapa pentingnya peranan setiap warga kerja LHDN untuk memberikan kefahaman yang jelas mengenai hasrat dan aspirasi pengurusan atasan LHDN kepada pegawai dan staf di bawah seliaan masing-masing. "Faktor ini adalah sangat penting kerana banyak inisiatif dan strategi di bawah pelan transformasi yang dibangunkan, (sekiranya gagal difahami oleh semua), akan menjadi sia-sia, memandangkan tidak akan wujud kesinambungan dan kesepaduan ke arah matlamat yang disasarkan," kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin ketika berucap merasmikan Seminar Pegawai-Pegawai Kanan LHDN di Bangi, baru-baru ini. Misalnya, sambutan Ulang Tahun Ke-15 Penubuhan LHDN serta inisiatif menjenamakan semula LHDN adalah sangat signifikan dengan tuntutan semasa dan ia adalah salah satu daripada inti pati untuk melihat kembali objektif penubuhan LHDN yang ditubuhkan pada 1 Mac 1996 yang sebelum ini dikenali Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN).

Justeru, harapan kerajaan untuk membawa negara ini bergerak dan berada dalam kategori negara maju berpendapatan tinggi adalah jelas. Walau bagaimanapun, untuk mencapai matlamat ini, kita perlu memberi perhatian terhadap beberapa perkara seperti yang disarankan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) dalam laporan Model Baru Ekonomi (MEB). Antara yang perlu ditekankan oleh semua pihak ialah permulaan tenaga kerja dan perusahaan yang cerdas dan tangkas, berinovasi dan sentiasa mempunyai kebolehupayaan untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran yang sentiasa berubah-ubah dengan pesat. Pada masa sama, kita juga memerlukan kesepaduan dan kestabilan sosial yang mantap dan sistem pendidikan yang terus menghasilkan graduan dan tenaga kerja yang dilengkapi dengan kemahiran teknikal untuk menghadapi pasaran global yang kompetitif.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Rabu, 10 Ogos, 2011

### Gaji minimum sektor perladangan RM850

KUALA LUMPUR: Lebih 157,000 pekerja sektor perladangan di seluruh negara mula menerima pendapatan minimum RM850 bulan depan, berbanding antara RM500 hingga RM700 sebelum ini. Pendapatan minimum itu dipersetujui semua 140 syarikat perladangan yang menjadi ahli Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA), baru-baru ini. Pekerja sektor perladangan juga menikmati beberapa kemudahan yang disediakan percuma oleh majikan, iaitu tempat tinggal, bekalan air, pengangkutan dan perubatan yang keseluruhannya bernilai RM450 sebulan. Di samping itu, semua pekerja perladangan juga akan menikmati wang sagu hati RM500 sempena sambutan Aidilfitri dengan pembayaran dibuat mulai minggu depan.

Presiden MAPA, Tan Sri Dr Mohd Noor Ismail, berkata usaha menetapkan pendapatan terjamin itu selari dengan dasar kerajaan melalui Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam meningkatkan pendapatan perkapita negara daripada RM21,304 ketika ini kepada RM51,739 menjelang 2020. Katanya, semua majikan perladangan melalui MAPA bersetuju menjamin pendapatan minimum RM850 sebulan, iaitu RM650 gaji terjamin minimum, elaun khas RM200 sebulan dan pelarasan gaji 10 peratus apabila perjanjian bersama (CA) berakhir. Beliau berkata, kenaikan pendapatan itu akan memungkin kepada pekerja sektor perladangan untuk meningkatkan prestasi kerja masing-masing. "MAPA ketika ini dalam proses perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan pemberian elaun khas RM200 itu tidak dipotong untuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). "Elaun itu dibayar terus kepada pekerja tanpa sebarang potongan. MAPA percaya dengan pendapatan minimum itu, lebih ramai pekerja tempatan akan berminat untuk bekerja di sektor perladangan," katanya di sini, semalam. Daripada 157,270 pekerja sektor perladangan di negara ini, 72,000 bekerja di ladang kelapa sawit; penoreh getah (17,400); pekerja am (13,370); pekerja kilang kelapa sawit (9,700); kakitangan bukan eksekutif (22,00) dan pekerja ladang lain (22,800).

**BERITA HARIAN**  
**online**

Khamis, 11 Ogos, 2011

### Liong Sik tak tahu urus beli tanah PKFZ

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam diberitahu bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liong Sik tidak mempunyai pengetahuan mengenai urusan pembelian tanah di Pulau Indah, Klang bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), sebaliknya semua perkara termasuk surat menyurat mengenai diputuskan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK).

Bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Pengangkutan, Datuk Abdul Rahman Mohd Noor, 61, berkata sebagai menteri, Liong Sik akan bertindak mengikut nasihatnya atau pegawai terbabit dalam projek itu serta tidak pernah menolak pandangan dan keputusan mereka. Menjawab soalan peguam Liong Sik, Wong Kian Keong ketika sesi pemeriksaan balas, terma pembiayaan tanah untuk projek itu adalah berdasarkan kepada penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan tertuduh turut merujuk kepada dokumen disediakan, saksi itu bersetuju. Beliau turut memaklumkan sepanjang perkhidmatannya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) di Kementerian Pengangkutan, tiada sebarang nota diberikan berhubung urusan perjanjian jual beli tanah antara Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan LPK yang tidak mengikut penilaian JPPH. Malah, katanya, dalam minit mesyuarat pada 15 November 2002 juga dimaklumkan tiada bantahan dikemukakan daripada wakil Kementerian Kewangan berhubung perjanjian jual beli tanah antara KDSB dan LPK yang tidak mengikut penilaian JPPH.

"Wakil Kementerian Kewangan (yang menghadiri mesyuarat) tidak bantah," katanya. Beliau berkata demikian ketika sesi pemeriksaan balas di hadapan Hakim Datuk Ahmad Asnawi dalam perbicaraan kes terhadap Liong Sik yang dituduh menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara KDSB dan LPK. Saksi pendakwaan keempat itu turut memberitahu, beliau tidak pernah memberi apa-apa memo kepada Liong Sik bagi membentulkan terma persetujuan bersama KDSB yang memasukkan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus. Katanya, Kementerian Kewangan sedia maklum mengenai kadar faedah 7.5 peratus itu dan tahu mengenai keputusan membeli tanah seluas 400 hektar dan bukannya pengambilan balik tanah seperti diputuskan dalam mesyuarat LPK bertarikh 24 Januari 2002. Abdul Rahman berkata, berdasarkan minit mesyuarat LPK itu, keputusan pembelian tanah dibuat sebagai alternatif kerana projek berkenaan mengambil masa lama iaitu hampir tiga tahun sejak keputusan Jemaah Menteri, selain tiada perkembangan pendekatan pengambilan tanah oleh kerajaan.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 12 Ogos, 2011

### Penjimatan tenaga jabatan kerajaan

PUTRAJAYA: Suhu pendingin hawa di semua jabatan kerajaan ditetapkan pada julat minimum 24 darjah Celsius, manakala lampu biasa yang rosak pula perlu diganti dengan lampu cekap tenaga, CFL atau LED, dalam usaha penjimatan tenaga dan mempercepatkan penerapan budaya teknologi hijau. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, membuat ketetapan itu ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim, semalam manakala Ketua Setiausaha Negara (KSN) diarah mengeluarkan pekeliling mengenainya. Langkah itu akan berkuat kuasa apabila pekeliling berkenaan dikeluarkan dalam tempoh terdekat. "Justeru, semua jabatan kerajaan wajib patuhi peraturan baru ini kecuali premis tertentu yang memerlukan suhu lebih rendah, umpamanya bilik Rawatan Rapi (ICU) atau wad tertentu di hospital.

"Bagi tingkatkan kecekapan guna tenaga, semua jabatan kerajaan yang perlu menggantikan lampu sedia ada disyarur bertukar kepada lampu cekap tenaga seperti CFL atau LED, bergantung kepada kemampuan jabatan masing-masing. "Perdana Menteri juga mahu satu pelan tindakan terperinci mengenai semua sektor berkaitan teknologi hijau disediakan supaya kita boleh pantau perkembangan dan akhirnya ambil tindakan bersesuaian secara bersama," katanya pada sidang media selepas mesyuarat terbabit di sini, semalam. Peter Chin menjelaskan, suhu 24 darjah Celsius adalah kadar selesa bagi sesuatu tempat kerja dan pengurangan hanya satu darjah Celsius boleh memberi penjimatan antara empat hingga tujuh peratus dari segi penggunaan tenaga. Katanya, jumlah itu agak besar kerana lebih 40 peratus penggunaan tenaga di sesuatu bangunan adalah untuk pendingin hawa atau penyejukan.

"Pejabat di kementerian saya sendiri mampu menjimatkan sehingga RM600,000 setahun atau 50 peratus daripada bil utiliti bulanan sejak menerima pakai konsep bangunan hijau itu," katanya. Beliau berkata, pelan jangka panjang kerajaan adalah bagi memastikan 85 peratus daripada kelengkapan semua bangunan kerajaan bersifat jimat atau cekap guna tenaga dan akta mengenainya dijangka dilaksanakan menjelang 2030.

### Kejayaan FELDA bukti program transformasi dahului zaman

KOTA TINGGI: Kejayaan FELDA memajukan masyarakat negara ini yang suatu ketika dulu berasal daripada keluarga miskin kepada kelompok berpendapatan sederhana, kini menjadi bukti program transformasi kerajaan yang mendahului zaman, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, ketika istilah transformasi tidak lagi popular, apa dilakukan kerajaan dan pengasas FELDA selama ini menepati konsep perubahan itu menerusi pelbagai kemajuan yang berlaku di semua tanah rancangan di seluruh negara. "Kejayaan ini menjadi jasa perjuangan kerajaan selama ini kepada 114,000 keluarga FELDA di seluruh negara, menyebabkan ada pihak tidak senang hati kerana mereka melihat masyarakat peneroka kini menjadi tunggak kepada kerajaan hari ini. "Berikutan itu, sengaja ditimbulkan cerita kononnya FELDA bankrap dan cuba menyerang agensi ini kerana melihat kawasan tanah rancangan menjadi kubu kuat kerajaan serta Barisan Nasional (BN). Masakan agensi bankrap mampu bayar bonus dan zakat. Malah ketika Ramadan tahun ini, FELDA bayar RM3 juta di Johor dan RM5 juta di Pahang. "Kejayaan FELDA juga menyaksikan ada anak peneroka mampu memperoleh kelulusan sehingga Doktor Falsafah (PhD) dan bukannya penyakit hasad dengki seperti pihak tertentu kepada kejayaan FELDA," katanya ketika berucap di Program Rahmat Ramadan Warga FELDA peringkat kebangsaan di Masjid Al-Ikhwan Felda Adela di sini, petang semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Seri Hishamuddin Hussin; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan; Pengurus FELDA, Tan Sri Isa Samad serta Pengurus Besar FELDA, Datuk Dzulkifli Abdul Wahab. Sejurus tiba di gugusan tanah rancangan di sini, Perdana Menteri meluangkan masa singgah di tiga rumah peneroka di FELDA Tunggal, yang baru-baru ini dipilih menerima Anugerah Khas Kecemerlangan FELDA 2011 untuk berkongsi wang tunai RM1 juta. Selain menghadiri majlis bersama peneroka di FELDA Adela dan Tunggal, Perdana Menteri turut menyertai khatam al-Quran dan berbuka puasa bersama masyarakat peneroka di FELDA Air Tawar 2. Perdana Menteri berkata, pendapatan sehingga RM4,000 sebulan di kalangan peneroka FELDA yang mengusahakan sendiri kebun masing-masing ketika ini, meletakkan mereka dalam kelompok masyarakat berpendapatan pertengahan di negara ini. Malah kata Najib, dengan jumlah pendapatan berkenaan di kawasan FELDA, peneroka mempunyai nilai berganda lebih baik berbanding golongan makan gaji dengan pendapatan sama di kawasan bandar. "Banyak yang sudah kita buat dan banyak lagi yang akan dibuat. Saya harap kejayaan ini menjadikan FELDA sebagai sebuah institusi yang kuat dalam dan luar negara," katanya.

**Penguatkuasaan lemah punca lambakan kopi**

Oleh Syed Azwan Syed Ali dan Mohd Nasaruddin Parzi [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**Peniaga jual produk beracun kerana permintaan tinggi**

KUALA LUMPUR: Kelemahan penguatkuasaan undang-undang dengan hanya melakukan pemeriksaan dua tiga kali setahun dan sekadar memberikan teguran lisan kepada peniaga, dikenal pasti antara punca lambakan produk minuman segera beracun di pasaran negara ini. Selain itu, serbuan yang dikatakan hanya bertumpu kepada premis besar, menyebabkan peniaga kecil-kecilan menjualnya secara terbuka, selain menggunakan taktik licik menyorok produk dan menjualnya tanpa resit. Tinjauan Berita Harian di sekitar Jalan Chow Kit dan Jalan Raja Bot di sini semalam mendapati produk minuman yang mengandungi bahan kimia beracun seperti Sildenafil, Tadalafil, Verdabafil dan Sibutramine terus dijual, walaupun akhbar ini mendedahkan minuman itu boleh mendatangkan maut jika diambil tanpa pengawasan doktor. Beberapa peniaga asing, terutama warga Indonesia yang ditemui berkata, permintaan terhadap produk minuman segera yang digunakan untuk menambah tenaga dan melangsingkan badan itu terus meningkat, walaupun ada dakwa ia boleh menyebabkan mati pucuk, selain membawa maut bagi mereka yang menghidap penyakit jantung.

"Penguat kuasa hanya buat pemeriksaan dua atau tiga kali setahun di kawasan ini, selalunya mereka hanya periksa kedai besar. Jadi kedai kecil macam kami jarang diserbu kerana produk tidak banyak. Jika datang pun, kami hanya ditegur," kata peniaga Indonesia yang hanya mahu dikenali sebagai Aman, 32. Aman menjual beberapa jenama minuman segera seperti Kopi Campuran Kedai Kopi Ali Bagus, Maca Max dan semua produk minuman Goji. Semalam, akhbar ini memetik Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguat Kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan, Mazlan Ismail yang mendedahkan ada lebih 40 produk minuman mengandungi bahan beracun dijual secara berleluasa. Penggunaan bahan perangsang seks seperti Sildenafil, Tadalafil dan Verdabafil tanpa pengawasan doktor boleh membawa kesan sampingan serius seperti tekanan darah rendah dan pengguna yang mengambilnya akan berasa pening dan pengsan, manakala penggunaan Sibutramine sebagai bahan pelangsing pula boleh menyebabkan kesan kepada saraf otak serta menyerang organ dalaman lain sehingga mengakibatkan pengguna mengalami masalah mental dan kemurungan. Sementara itu, Ketua Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Yusof Abdul Rahman, berkata isu produk minuman beracun bukanlah isu baru di negara ini.

**Tubuh pasukan kerja audit PBT**

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor menubuhkan satu pasukan kerja audit untuk menilai projek infrastruktur pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri itu supaya peruntukan kewangan bagi projek itu dapat digunakan dengan lebih efisien. Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata pasukan yang dianggotai kumpulan profesional seperti jurukur bahan, jurutera dan juruteknik dari Jabatan Kerja Raya (JKR) akan turun padang memastikan setiap projek yang dimajukan itu diuruskan dengan sebaik mungkin. Katanya, sebagai peringkat kajian, tiga PBT negeri iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor dipilih untuk melaksanakan usaha itu.

"Pasukan JKR akan turun padang menjalankan pengauditan kerja secara berterusan (di PBT terbabit) dan laporan oleh pasukan ini akan menentukan sama ada setiap projek di PBT perlu diteruskan atau tidak. "Dengan usaha ini, kita boleh menyatakan kepada rakyat agar setiap projek yang dilakukan kontraktor terbabit di PBT, dilakukan dengan cara guna duit rakyat tapi nilainya setimpal dengan kerja yang dilakukan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan Jabatan Kerajaan Selangor anjuran Majlis Perbandaran Sepang di sini, semalam. Abdul Khalid berkata, kumpulan profesional JKR itu akan bekerjasama dengan Jabatan Perbendaharaan Negeri Selangor untuk memastikan hanya projek yang berdaya maju akan diteruskan oleh kontraktor berkenaan. Beliau berkata, dengan cara ini, kerajaan negeri akan dapat melihat kecekapan pengurusan projek dan keuntungan yang diperoleh kontraktor terbabit agar ia sentiasa munasabah. Katanya, beliau akan membentangkan laporan mengenai hasil penilaian yang dibuat JKR untuk pengetahuan penjawat awam negeri dalam masa terdekat.



Rabu, 17 Ogos, 2011

### 'Selangor tak sokong projek air bersih Pusat'

KUANTAN: Tindakan kerajaan Selangor tidak mengeluarkan surat perintah pembangunan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PPAMPS) menunjukkan mereka bukan saja mempolitikkannya, tetapi mahu menggagalkan usaha Pusat memastikan rakyat Lembah Klang mempunyai bekalan air bersih mencukupi menjelang 2014. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui, berkata pembinaan LRAL2 sudah tertangguh setahun daripada jadual asal, sekali gus boleh merencatkan kelancaran keseluruhan projek yang matlamat utamanya bagi mengelak berlaku krisis bekalan air bersih kepada 1.1 juta penduduk Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Beliau berkata, setakat ini, semua perkara berkaitan pembinaan loji rawatan itu termasuk pelan reka bentuk, tender dan peruntukan sudah disediakan Kerajaan Pusat dan hanya menunggu surat perintah pembangunan daripada kerajaan negeri. Oleh demikian, katanya, kerajaan Selangor perlu memberi kebenaran surat perintah pembangunan secepat mungkin kerana projek itu tidak boleh dilengahkan lagi kerana ia mengambil masa untuk disiapkan.

"Jika kita gagal siapkan mengikut jadual dan rakyat tidak mendapat bekalan air bersih mencukupi sehingga berlaku krisis maka ia boleh menggambarkan seolah-olah Kerajaan Pusat gagal melaksanakan tanggungjawab. "Namun, saya harap rakyat di Lembah Klang terutama Selangor akan sedar jika projek ini tidak berjalan dan tahu siapa yang patut dipersalahkan," katanya pada sidang media selepas melawat kilang Malaysian Solar Resources Sdn Bhd, di sini, semalam. Peter Chin berkata, projek pembangunan loji rawatan itu perlu disiapkan serentak dengan komponen lain dalam PPAMPS yang giat dibangunkan kerana air disalurkan nanti memerlukan proses rawatan sebelum boleh digunakan. Malah, beliau berkata, pembinaan terowong PPAMPS sepanjang 44.6 kilometer dari Karak, Pahang ke Hulu Langat, Selangor yang sudah dimulakan Jun tahun lalu, sudah 29 peratus siap. "Pembinaan terowong ini menunjukkan kemajuan positif dan kita percaya boleh disiapkan lebih awal daripada tarikh ditetapkan," katanya. Terowong bergaris pusat 5.2 meter dengan kos RM1.3 bilion itu bakal membolehkan 1,890 juta liter air mentah disalurkan dari Pahang ke Selangor.

**Rumah murah generasi 2 FELDA (HL)**

SEREMBAN: Ribuan keluarga generasi baru peneroka FELDA yang kini terpaksa tinggal bersama ibu bapa di tanah rancangan kerana tidak boleh mendirikan rumah sendiri, berpeluang memiliki kediaman sendiri pada harga serendah RM19,000 sebuah yang akan dibangunkan menerusi Projek Perumahan Generasi Baru FELDA. Sebanyak 160,000 unit rumah teres, separa berkembar dan banglo berharga RM19,000 hingga RM73,000 akan dibangunkan oleh Gabungan Wawasan Generasi FELDA (GWGF) secara berperingkat mengikut kesesuaian di tanah rancangan FELDA bagi membolehkan peneroka dan anak cucu mereka menjalani kehidupan lebih selesa. Pada masa ini, kebanyakan mereka meneruskan usaha pertanian ibu bapa masing-masing di tanah rancangan, tetapi terpaksa menumpang di rumah ibu bapa kerana masalah pemilikan tanah tidak membolehkan pembinaan rumah baru atas tanah peneroka asal.

Pengerusi GWGF, Tan Sri Rozali Ismail, berkata menyedari masalah membelenggu peneroka, GWGF mengambil langkah proaktif memperkenalkan projek kediaman berkonseptan taman perumahan yang jauh lebih murah berbanding projek perumahan biasa. Katanya, ia dibina atas tanah milik FELDA berhampiran tanah rancangan yang didiami ibu bapa mereka bagi membolehkan keluarga terabit meneruskan kehidupan seperti biasa, selain menyelesaikan masalah perumahan di kalangan generasi baru FELDA yang meneruskan usaha ladang atau bekerja di tanah rancangan. "Kebanyakan mereka masih tinggal bersama ibu bapa kerana tidak mempunyai pilihan disebabkan kawasan perumahan awam lain jauh dari tanah rancangan. Projek ini memberi mereka peluang meneruskan kehidupan seperti biasa dengan keadaan tempat tinggal jauh lebih selesa dan harmoni di tanah rancangan masing-masing," katanya kepada Berita Harian.

Rozali berkata, pihaknya mampu menawarkan harga mampu milik kerana projek dibina atas tanah milik FELDA yang dipecahkan kepada lot rumah dengan kontraktor pembinaan adalah generasi baru Felda. Ketika ini, GWGF sudah menyelesaikan urusan pemilikan tanah dengan kerajaan negeri di FELDA Jengka Satu dan Jengka Sembilan, di Pahang dan dijangka bermula tidak lama lagi. Dua lagi projek akan dilaksanakan di FELDA Gugusan Sungai Dusun di Selangor dan FELDA Gugusan Taib Andak, Johor. Bagaimanapun Rozali berkata, pihaknya menghadapi masalah dalam urusan pemilikan tanah di FELDA Gugusan Sungai Dusun kerana tidak mendapat kerjasama baik kerajaan negeri. "Kita memerlukan kelulusan kerajaan negeri. Jika mereka menyelesaikan permohonan cepat, projek boleh dimulakan segera kerana kita mempunyai ramai pembeli yang berminat," katanya.

**Sekolah Pemasaran ditubuh**

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menubuhkan Sekolah Pemasaran bagi memberi latihan pengurusan perniagaan dan pemasaran produk pertanian serta industri asas tani kepada golongan muda. Menterinya, Datuk Seri Noh Omar, berkata sekolah berkenaan akan melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam aspek pemasaran yang menjadi elemen penting untuk mengetengahkan produk pertanian dan industri asas tani di negara ini. "Latihan diharap dapat meningkatkan kemahiran dan kepakaran sekali gus menjamin bidang kerjaya yang menguntungkan di samping mampu mewujudkan ejen pemasar di kalangan generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan Majlis Memorandum Persefahaman (MoU) antara Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta antara NATC dengan Institut Skill-Tech (IST). Noh berkata, menerusi MOU itu, Institut Pengurusan Peladang di Sungai Petani, Kedah akan dijadikan Sekolah Pemasaran yang dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru yang mana kerajaan dapat menjimatkan kos pembinaan bangunan sekolah terbabit. "Konsep ini membolehkan NATC membiayai kos latihan kemahiran pertanian, FAMA akan memberi sumbangan dari segi tenaga pakar dan pengajar untuk latihan manakala IPP melalui LPP akan memberarkan bangunannya digunakan sekolah pemasaran itu," katanya. Seramai 53 pelajar sudah mengikuti latihan di sekolah berkenaan yang bermula pada Jun lalu.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Khamis, 18 Ogos, 2011

### SPPB percepat pinjaman

PUTRAJAYA: Pemohon pinjaman perumahan kerajaan akan menerima keputusan permohonan masing-masing serta-merta selepas butir-butir diisi secara dalam talian menerusi Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB) yang dilancarkan semalam. Bagi permohonan yang diberikan kelulusan bersyarat itu, mereka hanya perlu menyerahkan dokumen sokongan dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum kelulusan sepenuhnya diberikan, manakala yang gagal boleh memohon semula. Setiausaha Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Datuk Shuib Md Yusop, berkata sebelum ini, kakitangan awam terpaksa menunggu sehingga sebulan untuk mendapat kelulusan permohonan pinjaman perumahan masing-masing yang dilakukan secara manual. Beliau berkata, penggunaan SPPB bukan saja mempercepatkan proses kelulusan pinjaman, malah mempercepatkan permohonan pinjaman dan memudahkan semakan pinjaman selain bayaran wang proses melalui kemudahan perbankan internet serta memudahkan pemilihan insuran atau takaful.

Sehubungan itu, katanya pihaknya akan mewajibkan semua pemohon yang melakukan pinjaman perumahan kerajaan kali pertama mengemukakan permohonan menerusi sistem ini bagi memudahkan urusan. "SPPB adalah sistem bersepadu yang mana peminjam juga boleh membuat urusan lain seperti menyemak status bayaran balik, bayaran kemajuan, penghantaran hak milik, baki pinjaman, status permohonan dan penyata tahunan," katanya selepas Majlis Pelancaran SPPB yang dilakukan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Nozirah Bahari. Beliau berkata, penggunaan SPPB juga memberi penjimatan lebih RM1 juta setahun kepada kerajaan. Sehingga kini, terdapat kira-kira 730,000 peminjam aktif daripada 1.2 juta kakitangan awam seluruh negara. Sebanyak RM76 bilion pinjaman diberikan sejak 1970 dengan purata pinjaman dikeluarkan berjumlah RM7 bilion setahun. Shuib berkata, sistem yang dibangunkan sendiri kakitangan Bahagian Pinjaman Perumahan itu adalah langkah penambahbaikan dalam sistem penyampaian kepada penjawat awam yang mahu memohon pinjaman. "Ini dapat meningkatkan tahap kecekapan kementerian selaras dengan visi untuk menjadi agensi unggul dalam pengurusan kewangan dan ekonomi negara," katanya.

**Syarikat khas tadbir urus projek rel massa**

KUALA LUMPUR: MRT Co, sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan diperbadankan ditubuhkan bagi mengambil alih peranan Syarikat Prasarana Negara Bhd (Prasarana) sebagai pemilik projek dan aset MY Rapid Transit Lembah Klang (KVMRT) berkuat kuasa 1 September ini. Penubuhan MRT Co yang diluluskan Kabinet dalam mesyuarat mingguannya, kelmarin, bertanggungjawab memastikan projek KVMRT jajaran Sungai Buloh-Kajang dilaksanakan dengan lancar. Datuk Seri Najib Razak yang mengumumkan penubuhan MRT Co berkata, kerajaan akan melantik seorang warga negara Malaysia sebagai ketua eksekutifnya dalam tempoh terdekat. Perdana Menteri berkata, kerajaan komited untuk melaksanakan projek KVMRT yang akan memberikan limpahan faedah ekonomi yang hebat. "Dalam mengendalikan projek bersaiz besar dan kompleks, kita mesti memberi tumpuan yang tidak berbelah bagi, khususnya berhubung tadbir urus projek itu. Kita sepandapat dengan pandangan masyarakat bahawa adalah kritikal untuk mempunyai satu sistem pengangkutan awam yang berkesan di Lembah Klang. "Justeru, Kabinet berasa perlu satu unit yang fokus memastikan infrastruktur terbesar negara itu dilaksanakan secara terperinci, licin dan berkesan di samping mengekalkan pentadbiran secara telus sepanjang proses berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

MRT Co akan mempunyai pengurusan projek dan pasukan teknikal terdiri daripada pakar dalam projek rel massa, termasuk yang dipinjam daripada pasukan MRT Prasarana ketika ini. Tanggungjawab pasukan itu termasuk memantau, mengawasi pembinaan struktur bertingkat, stesen, depot, kerja bawah tanah seperti terowong. Ia juga bertanggungjawab ke atas aspek komersial projek meliputi kontrak, pemerolehan dan keputusan serta memastikan kualiti penyampaian dari segi kos, jadual dan keperluan Kesihatan, Keselamatan Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE). Pengurusan projek dan pasukan teknikal MRT Co akan diketuai Marcus Levon Karakashian yang berpengalaman dalam melaksanakan pelbagai projek rel utama di dunia seperti di Singapura dan London sejak lebih 30 tahun lalu. Keutamaan MRT Co pada masa ini ialah memastikan jajaran Sungai Buloh-Kajang dilaksanakan dengan licin serta memastikan projek KVMRT siap ikut jadual untuk kepentingan negara dan rakyat. Menurut kenyataan itu, apabila siap, KVMRT akan dikendali RapidKL. Prasarana juga akan terus memainkan peranan dengan memberi input dan maklum balas sepanjang fasa pembinaan. Dengan wujudnya MRT Co, Prasarana boleh memberikan tumpuan dalam menunaikan tanggungjawab memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang berkesan dan boleh diharapkan di Lembah Klang, seperti transit aliran ringan (LRT).

**Pesara terima bayaran khas**

KUALA LUMPUR: Kira-kira 590,000 pesara kerajaan semalam menerima Bayaran Khas Kewangan RM500 seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini sekali gus manafikan dakwaan segelintir pihak kononnya golongan itu akan menerimanya selepas Aidilfitri. Sumber Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Bahagian Pencen ketika dihubungi, berkata bayaran khas itu sudah dikreditkan terus ke akaun bank penerima pencen dan boleh mengeluarkannya mulai semalam. Sementara itu, JPA dalam satu kenyataan bertarikh 10 Ogos yang disiarkan menerusi laman web jabatan berkenaan turut berkata, bayaran khas terbabit akan diberi kepada semua pesara yang bersara pada atau sebelum 8 Ogos tahun ini.

"Ini termasuk ahli keluarga tanggungan pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada atau sebelum 7 Ogos tahun ini dan menerima pencen terbitan pada 8 Ogos lalu," katanya. Minggu lalu, ketika mengumumkan berita baik itu, Perdana Menteri berkata, seramai 1.27 juta kakitangan awam akan turut mendapat duit raya apabila kerajaan mengumumkan bonus setengah bulan gaji atau minimum RM500 yang dibayar pada pertengahan bulan ini.



Sabtu, 20 Ogos, 2011

### Firma tempatan bina resort RM500j di Iskandar Malaysia

ISKANDAR Malaysia, wilayah pembangunan ekonomi selatan menerima pelaburan domestik bernilai **RM500 juta** daripada KSL Resort Johor Bahru menerusi pembukaan sebuah hotel resort bertaraf lima bintang dengan kemudahan 1,000 bilik menjelang akhir tahun ini. Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), **Ismail Ibrahim**, berkata resort berorientasikan bandar itu juga bakal menempatkan pusat beli-belah, dewan expo, lima pawagam selain pasar raya dan beberapa premis perniagaan lain yang dijangka membantu perkembangan ekonomi semasa. "Kita sangat yakin menerusi pelaburan berkenaan, secara tidak langsung akan membantu merangsang ekonomi serta industri pelancongan negeri ke arah lebih baik lagi di Wilayah Iskandar Malaysia.

"Malah, dari sudut pelaburan juga ia sudah berlangsung dengan baik di mana sehingga 30 Jun tahun ini, Iskandar Malaysia mencatatkan pelaburan terkumpul komited sebanyak RM75.96 bilion sejak pelancarannya pada November 2006. "Daripada jumlah itu, 60 peratus atau RM45.48 bilion menerusi pelaburan tempatan manakala baki RM30.48 bilion daripada pelaburan asing," katanya di Johor Bahru kelmarin. Ismail berkata, projek pembangunan yang dirancang di Iskandar Malaysia kini berjalan lancar mengikut jadual. Antara yang sedang rancak berjalan termasuk Legoland Malaysia, Johor Premium Outlets dan Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed). Katanya, sehingga kini Iskandar Malaysia menerima tiga pelabur utama luar negara iaitu Eropah, Asia dan Asia Barat dan fokus utama mereka dalam menerokai idea baru untuk menjana ekonomi setempat. "Saya gembira mengalu-alukan delegasi 100 pegawai kanan kerajaan dan pemimpin perniagaan dari Wilayah Wenzhou, China pada awal September yang berminat mencari peluang pelaburan. "Malah, kami percaya ia permulaan dalam menarik minat pekerja berpengetahuan selain menyokong keperluan pembangunan modal insan Iskandar Malaysia," katanya.



Isnin, 22 Ogos, 2011

### Imbuhan gaji bawah RM3,000

IPOH: Rakyat berpendapatan di bawah paras RM3,000 sebulan bakal mendapat bantuan kewangan dalam Belanjawan 2012 berikutan peningkatan kos sara hidup sejak kebelakangan ini, sekali gus meringankan beban terpaksa ditanggung mereka. Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) sedang menjalankan kajian berhubung perkara itu, termasuk menyediakan mekanisme sebagai panduan untuk kerajaan membantu golongan berkenaan. "Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara tidak langsung membebankan rakyat berpendapatan rendah. Justeru, kerajaan sedang menjalankan kajian bagaimana boleh membantu golongan ini, dengan hasil kajian itu akan digunakan sebagai panduan untuk dimasukkan dalam Bajet 2012.

"PEMANDU diberi tanggungjawab mengenal pasti beberapa pilihan bantuan yang boleh diguna pakai dan laporannya akan diserahkan kepada Kementerian Kewangan untuk diperinci," katanya selepas menyampaikan bantuan Teman 1AZAM Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sempena Aidilfitri bagi kawasan Parlimen Tambun, di sini, semalam. Seramai 688 penduduk menerima bantuan barang makanan, wang tunai dan peralatan membantu perniagaan bernilai RM680,000. Beliau berkata, PEMANDU sedang memperincikan kajian itu untuk dirumuskan dalam satu pangkalan data menerusi sebuah makmal khusus, malah proses berkenaan dijangka selesai minggu depan untuk tindakan selanjutnya. "Kajian itu turut membabitkan beberapa aspek penting, termasuk peruntukan diperlukan, sumber peruntukan dan penyampaian inisiatif yang perlu dilaksanakan. "Ini bertujuan memastikan pembentangan belanjawan nanti dapat dilakukan secara lebih efisyen dan efektif kerana kita tidak mahu apabila diumumkan nanti ia membawa masalah dan hasilnya tidak ke mana," katanya.



Selasa, 23 Ogos, 2011

## 101 sekolah mubaligh di Sabah terima bantuan RM19.4 juta

SEBANYAK 101 sekolah mubaligh di Sabah menerima peruntukan berjumlah RM19.4 juta daripada RM70 juta yang diperuntukkan menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMke-10) di seluruh negara. Bantuan itu diberi secara berperingkat dan sebagai permulaan, sebanyak 12 sekolah di daerah Kota Kinabalu dan Sepanggar dipilih sebagai kumpulan pertama menerima bantuan RM50,000 bagi setiap sekolah berkenaan, baru-baru ini. Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata peruntukan itu akan diagih kepada 441 sekolah mubaligh termasuk 101 di Sabah dalam masa terdekat. Semua sekolah mubaligh di seluruh negara kata beliau, akan menerima bantuan ini tetapi tidak semua menerima RM50,000 kerana ia bergantung kepada keperluan masing-masing.

"Jumlah bantuan diberi tertakluk kepada permohonan dikemukakan sekolah mubaligh berkenaan menerusi Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Bantuan ini digunakan untuk kerja pembangunan dan menaik taraf sekolah," katanya pada sidang media selepas menyampaikan cek bantuan kepada sekolah mubaligh daerah Kota Kinabalu di Sekolah Menengah (SM) La Salle, di Tanjung Aru, dekat Kota Kinabalu, baru-baru ini. Turut hadir, Timbalan Pengarah Pelajaran Sabah, Maimunah Suhaibul; Pegawai Pelajaran Daerah Kota Kinabalu, Bad Hamid Musli dan Pengerusi Lembaga Pengurusan SM La Salle, Ho Kin Wong. Antara yang menerima bantuan itu ialah SM La Salle, SM Francis Convent, SM Stella Maris, SM All Saints, SM St Peter, Sekolah Kebangsaan (SK) Sacred Heart, SK St Francis Convent, SK Stella Maris dan SK St Agnes. Sabah mempunyai 70 sekolah rendah dan 31 sekolah menengah mubaligh. Mohd Puad berkata, kementeriannya juga akan mempertimbangkan jika ada sekolah mubaligh yang ingin mengemukakan permohonan untuk perkara lain. "Sekolah bantuan kerajaan ini akan terus menerima bantuan untuk dinaik taraf atau pembangunan lain, tertakluk kepada permohonan dikemukakan," katanya.

**Bulatan Rothmans hampir siap**

PETALING JAYA: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjangka kerja menaik taraf Bulatan Rothmans kepada persimpangan berlampau isyarat yang tertangguh disebabkan isu sistem paip di kawasan itu, akan dapat diselesaikan selewat-lewatnya bulan depan. Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPJ, Cheremi Tarman berkata, pihaknya mengadakan pertemuan dengan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bagi membincangkan penyusunan serta proses pemindahan paip simen asbestos (AC) yang berada di bawah laluan Bulatan Rothmans berkenaan. Beliau berkata, kerja utama bagi proses menaik taraf Bulatan Rothmans sudah hampir selesai dengan status semasanya menccah 78 peratus, tetapi projek yang dimulakan pada 30 Disember tahun lalu, dijangka tertangguh walaupun sebelum ini dikatakan hanya mengambil lapan bulan untuk disiapkan RM300,000.

"Walaupun terlewat daripada sasaran awal, tetapi isu sistem paip ini hanya akan mengambil kurang sebulan untuk diselesaikan dan persimpangan itu akan dibuka kepada orang awam selewat-lewatnya bulan depan," katanya ketika ditemui dalam lawatan MBPJ ke tapak projek naik taraf itu yang turut disertai Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian. Menelan lebih RM4 juta, projek fasa pertama diadakan bagi memastikan kelancaran trafik di kawasan itu akan membabitkan kerja naik taraf persimpangan Jalan Harapan dan Jalan 19/8 kepada persimpangan berlampau isyarat, selain pelebaran jalan dua hala kepada tiga lorong serta penyempurnaan laluan siar kaki. Awal tahun depan, MBPJ akan memulakan projek fasa kedua dengan kos kira-kira RM9 juta membabitkan penyambungan Jalan Harapan terus ke Lebuhraya Sprint yang dijangka dapat disiapkan dalam masa kurang setahun.

**SHTP guna konsep awam-swasta**

PUTRAJAYA: Kerajaan memberi jaminan Taman Teknologi Tinggi Senai (SHTP), Johor, akan terus dibangunkan mengikut konsep perkongsian awam-swasta (PPP) berikutan kejayaan pelaksanaannya sejak dilancarkan tahun lalu. Ini berdasarkan komitmen kerajaan memajukan lagi kegiatan berdasarkan teknologi tinggi, inovasi dan kreativiti ke arah menjadikan negara berpendapatan tinggi dan ekonomi berdasarkan pengetahuan menjelang 2020. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pembangunan SHTP sejajar dengan pelan dasar jangka panjang kerajaan untuk mentransformasikan negara ke arah negara membangun berdasarkan inovasi teknikal dan industri kreatif. "Kunci utama pembangunan teknologi tinggi ialah taman teknologi tinggi dan ia dibuktikan dengan kejayaan membawa masuk banyak pelaburan asing terus (FDI) ke negara ini dengan adanya Kulim Hi-Tech Park (Kedah).

"Inisiatif ini bukan saja mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang teknologi tinggi, penyelidikan dan pembangunan, tetapi juga memberi kesan kepada keseluruhan ekonomi negara," katanya berucap pada majlis memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara Senai Hi-Tech Park Sdn Bhd dan Solexel (M) Sdn Bhd (SHTPSB) di sini, semalam. MoU itu ditandatangani Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Solexel Inc, Michael Wingert dan Ketua Eksekutif SHTPSB, Datuk Ahmad Shukri Tajuddin. Hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir. Sehubungan itu, Najib mengalu-alukan hasrat Solexel Inc membuka kilang pengeluaran sel solar kristal di atas tapak seluas kira-kira 30 hektar di zon perindustrian fasa satu SHTP, membabitkan pelaburan RM2.8 bilion dalam tempoh lima tahun.

Katanya, pelaburan itu mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada 2,300 rakyat tempatan, sekali gus menjana kegiatan ekonomi di wilayah Iskandar Malaysia. Pada masa sama, beliau berkata, projek sel solar itu juga selaras polisi kerajaan yang ingin memajukan lagi industri teknologi hijau dan tenaga yang boleh diperbaharui di negara ini. "Pelaburan Solexel di negara ini mampu menarik minat dan membina rangkaian pembekal tempatan khususnya bahan kimia yang digunakan dalam teknologi solar dan pengeluaran semikonduktor," katanya.

### **RM1.4b peruntukan KAR1SMA**

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata sebanyak RM1.4 bilion diperuntukkan bagi membantu kira-kira 500,000 penerima bantuan kebajikan masyarakat melalui Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) tahun ini. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, bantuan yang akan diberikan pada setiap bulan itu bagi membantu kumpulan sasar yang antaranya terdiri daripada warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan kini, termasuk balu askar dan polis. Beliau berkata, pada tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM1.2 bilion bagi bantuan kepada 424,000 golongan memerlukan. "Kerajaan mengambil langkah itu kerana mahu menegakkan keadilan sosial dalam negara, satu daripada tiang utama kepada Gagasan 1Malaysia dan penting dalam falsafah negara. "Mereka ini (500,000) adalah kelompok besar dalam masyarakat kita dan jika tidak ada sesuatu intvensi kerajaan yang khusus dalam program yang tersusun rapi, mereka terus berada dalam keadaan terpinggir dan terbiar dan kita akan gagal menegakkan keadilan."

"Hari ini, saya boleh sahkan sebagai Menteri Kewangan, bajetnya RM1.4 bilion (2011) untuk lebih kurang 500,000 anggota masyarakat yang kita dapat takrifkan sebagai kumpulan sasar," katanya berucap pada pelancaran program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) di pejabatnya di sini, semalam. Program kebajikan itu diilhamkan Perdana Menteri diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Peruntukan itu merangkumi bantuan untuk kanak-kanak RM290 juta; OKU (RM332 juta), warga emas (RM455 juta) dan membiayai program kemasyarakatan peringkat komuniti (RM303 juta). Menerusi program itu juga, satu kategori baru bantuan kewangan diperkenalkan bagi balu anggota tentera dan polis yang layak, membabitkan peruntukan RM4.1 juta. Selain bantuan kewangan, beliau berharap mereka terbabit kelak akan turut diberikan ilmu, semangat serta kemahiran baru supaya boleh berubah pada masa depan. Sementara itu, Shahrizat berkata, pelbagai perkhidmatan disediakan menerusi KAR1SMA seperti bantuan kewangan bulanan, perkhidmatan di institusi, pusat jagaan harian, Program Ziarah dan Bantu, insentif OKU produktif, dorongan kerjaya (Job Coach), latihan kemahiran ibu tunggal serta wanita, perkhidmatan kesihatan, mamogram, taman asuhan kanak-kanak, pusat aktiviti kanak-kanak dan inisiatif kebajikan produktif. Sementara itu, di TEMERLOH pada majlis berbuka puasa anjuran BN Pahang, di Dataran Tok Gajah, di sini, semalam, Najib berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) masih berupaya mengurus tadbir negara dengan berkesan, terutama memperjuangkan konsep menegakkan keadilan sosial demi kepentingan rakyat, walaupun dalam keadaan ekonomi dunia tidak menentu. Justeru, Perdana Menteri menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan berpeluk tubuh dan tidak mampu berbuat apa-apa disebabkan fenomena global.

**25 Koperasi Desa KEDA terima bantuan RM20j**

KUALA NERANG: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memperuntukkan RM20 juta kepada 25 Koperasi Desa Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) bagi melonjakkan ekonomi masyarakat luar bandar sejak setahun lalu. Menterinya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata usaha itu akan meningkatkan prestasi Koperasi Desa KEDA apabila urusan kerja dan perkhidmatan dilaksanakan sendiri oleh penduduk luar bandar, sekali gus pengagihan faedah akan tersebar di kalangan penduduk desa. Katanya, pembabitan koperasi luar bandar itu akan memberi impak yang positif terhadap perkembangan ekonomi luar bandar yang mana dalam masa sama mengelakkan berlaku kebocoran ekonomi. "Justeru, kementerian berharap Koperasi Desa KEDA dapat memberi manfaat kepada penduduk bagi menyumbang tenaga dan kerjasama untuk meningkatkan pendapatan keluarga masing-masing," katanya pada sidang media sempena lawatan kerjanya di Kedah dan Majlis Pelancaran Koperasi Pembangunan Desa KEDA Pasir Puteh Bhd di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM230,000 untuk membaik pulih 20 rumah masyarakat luar bandar dalam Parlimen Kuala Nerang. Dalam pada itu, Mohd Shafie menggesa penduduk Desa KEDA Pasir Putih supaya menganggotai penubuhan koperasi baru itu sebagai tanda sokongan terhadap usaha menaiktaraf hidup masyarakat setempat. "Satu lagi koperasi di bawah selian KEDA dilancarkan semalam (kelmarin) dengan modal permulaan RM20,000 dan ia diharap dapat bergerak aktif untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. "Penubuhan Koperasi Desa diharap akan memberi kesan langsung kepada matlamat mengurangkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar," katanya.

**KAR1SMA peluang rakyat keluar daripada cengkaman kemiskinan**

WALAU segigih mana usaha murni kerajaan bagi membantu mereka yang terpinggir, ia tidak akan berjaya selagi mereka yang terbabit tidak membantu diri sendiri untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Sehubungan itu, kita mengalu-alukan perubahan fokus kerajaan agar mereka yang menerima bantuan satu hari kelak akan mampu berdikari dan tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan. Harapan ini turut disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kelmarin ketika melancar program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) yang diberi peruntukan RM1.4 bilion tahun ini. Menurut Najib, selain menerima bantuan beliau berharap mereka yang terbabit kelak turut diberikan ilmu, semangat serta kemahiran baru supaya boleh berubah pada masa depan. Berikut itu program KAR1SMA sendiri sudah digubal ke arah matlamat ini.

Pelbagai perkhidmatan disediakan termasuk bantuan kewangan bulanan, perkhidmatan di institusi, pusat jagaan harian, Program Ziarah dan Bantu, insentif Orang Kurang Upaya produktif, dorongan kerjaya, latihan kemahiran ibu tunggal serta wanita, perkhidmatan kesihatan, mamogram, taman asuhan kanak-kanak, pusat aktiviti kanak-kanak dan inisiatif kebajikan produktif. Selain KAR1SMA yang memanfaatkan kira-kiri 500,000 penerima bantuan, kerajaan sebenarnya sudah banyak menyalurkan bantuan dari segi kewangan, kemahiran, peluang pendidikan dan juga peluang dan modal perniagaan kepada kumpulan sasaran. Malah bantuan makanan bulanan sekalipun turut dilaksanakan sesetengah kerajaan negeri yang memanfaatkan warga tua yang terdiri daripada ibu tunggal dan bapa tunggal yang terbiar di kampung.

Bantuan makanan ini yang meliputi makanan asas dihantar ke rumah penerima bagi memastikan ia benar-benar sampai kepada mereka. Tidak cukup dengan itu bantuan pendidikan dari segi buku sekolah, malah pakaian disediakan bagi anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah ini. Pendek kata, golongan ini memang sentiasa dibantu kerajaan dan tidak pernah dibiarkan terpinggir dan terbiar tanpa sebarang pembelaan. Tidak dapat dinafikan sebahagian program bantuan dilaksanakan kerajaan tidak berjaya sepenuhnya. Bagaimanapun secara keseluruhannya ia mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu meringankan beban penerimanya. Apa sekali pun penerima bantuan harus bersyukur terhadap pembelaan yang terus diterima mereka sekalipun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang. Kesyukuran ini seharusnya diterjemahkan oleh penerima bantuan dengan berusaha bersungguh untuk memperbaiki kedudukan kewangan masing-masing. Sekiranya mereka sendiri tidak dapat keluar daripada cengkaman kemiskinan, sekurang-kurangnya mereka perlu memastikan anak-anak mereka berpeluang mengubahnya.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Jumaat, 26 Ogos, 2011

### **Projek beras wangi suntik transformasi pertanian negara**

BAGI mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import, satu usaha bersepadu dilaksanakan kerajaan menerusi Makmal Aktiviti Ekonomi Nasional (NKEA) Pertanian 2020 di bawah Projek Permulaan 9 (EPP), iaitu memperkenalkan jenis beras wangi untuk penanaman padi tanpa pengairan yang diyakini mampu memberi manfaat khususnya kepada kira-kira 50,000 petani di luar kawasan jelapang. Usaha bersepadu antara tiga agensi iaitu Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Sime Darby dan Infoculture Sdn Bhd (Infoculture) itu dijangka akan menyuntik transformasi pertanian khususnya membabitkan varieti baru padi negara, sekali gus memperkenalkan beras wangi pertama keluaran tempatan MRQ 74 dan MRQ 76 yang disifatkan setanding dengan basmati dan beras wangi Siam tulen.

Pada Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan EPP di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mana satu daripadanya ialah penanaman beras wangi di kawasan bukan jelapang padi dan memasarkannya sebagai beras wangi, sekali gus membuka peluang kepada petani di luar jelapang untuk menambah pendapatan berikutan harga beras ini lebih tinggi daripada varieti biasa. Difahamkan, dengan projek penanaman beras wangi berkenaan, petani dijangka berpeluang menambah pendapatan hampir 67 peratus, iaitu RM1,300 satu tan berbanding varieti biasa yang dijual pada harga RM950 dengan jumlah pengeluaran sama. Pegawai Penyelidik MARDI, Datuk Dr Othman Omar, berkata ketika ini jumlah kebergantungan negara terhadap beras wangi import masih pada kadar tinggi, iaitu 120,000 tan dengan nilai import mencecah RM420 juta setahun. Katanya, dengan projek beras wangi ini Malaysia dijangka dapat mengurangkan 30 peratus kebergantungan import beras wangi terhadap negara pengeluar seperti Thailand, Vietnam dan Pakistan menjelang 2020.

Beliau berkata, projek ini diyakini mampu memberi kelebihan terhadap petani di luar kawasan jelapang yang berpeluang untuk terbabit secara langsung dalam aktiviti pengeluaran beras wangi tempatan ataupun menyewakan tanah terbiar untuk diusahakan. Katanya, sebagai pemilik mutlak terhadap projek ini, MARDI juga sudah mengeluarkan lesen kepada dua syarikat swasta, iaitu Sime Darby dan Infoculture untuk pemasaran dan pengeluaran MRQ74 dan MRQ76. "Sime Darby akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mengendalikan projek pengeluaran dan pemasaran MRQ76 yang mana beras ini setanding dengan beras wangi Siam tulen. "Infoculture pula akan terbabit sepenuhnya projek pengeluaran dan pemasaran MRQ74 yang mana sifatnya hampir sama dengan beras Basmati yang sesuai dibuat nasi beriani, selain sesuai kepada pesakit diabetes memandangkan kandungan glukosanya rendah," katanya.

Othman berkata, lima negeri yang terbabit secara langsung dengan projek perintis ini ialah Pahang, Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan dengan sasaran 500 hektar kawasan pengeluaran beras wangi tempatan menjelang hujung tahun ini. Beliau berkata, selain mengurangkan kebergantungan terhadap beras import dan meningkatkan pendapatan petani di luar kawasan jelapang, projek ini juga bertujuan untuk mengatasi masalah pembaziran hasil di kawasan tanah terbiar. "Justeru, kita memberi dua pilihan kepada petani, iaitu sama ada mahu terbabit secara langsung dalam aspek pengeluaran ataupun menyewakan tanah mereka kepada dua syarikat yang dilantik untuk tujuan projek. "Kedua-dua beras wangi keluaran tempatan yang pertama di Malaysia mula ditanam di lima negeri sejak Mac lalu itu, dijangka berada di pasaran penghujung tahun ini iaitu sejurus tuaian sulung untuk musim ini selesai. "Kedah menjadi negeri pertama menerusi tuaian sulung yang menghasilkan beras wangi MRQ74 dan MRQ76 dengan purata pengeluaran empat tan beras setiap hektar," katanya.

Othman berkata, ketika ini kerajaan memberi tumpuan terhadap projek penanaman beras wangi kerana harganya yang lebih mahal berbanding beras varieti biasa yang sekali gus mampu meningkatkan pendapatan petani luar kawasan jelapang di seluruh negara. Katanya, bagaimanapun projek ini tidak akan menjelaskan pengeluaran varieti padi biasa yang dilakukan secara konsisten di kawasan jelapang bagi memastikan pengeluaran beras negara terus stabil. "Dengan projek ini, kita jangkakan dalam tempoh sembilan tahun akan datang penanaman beras wangi di Malaysia akan meningkat kepada 18,000 hektar dengan hasil pengeluaran mencecah 40 tan setahun membabitkan penyertaan kira-kira 15,000 petani. "Buat tahun pertama ini, lima negeri yang terpilih untuk membangunkan projek penanaman beras wangi di luar kawasan jelapang padi di lima negeri itu dengan pembabitan kira-kira 100 petani," katanya. Othman berkata, proses penanaman MRQ74 dan MRQ76 dikatakan lebih mudah berbanding varieti biasa kerana ketika ini tiada penyakit spesifik yang dikesan menyerang tanaman berkenaan selain memerlukan pembajaan dan penjagaan yang minimum.

"Menerusi hasil tuaian sulung ini, kita belum mengesahkan penyakit spesifik yang menyerang tanaman ini dan usaha untuk memastikan ia kekal sihat untuk menjamin pengeluaran hasil yang konsisten. "Penanaman beras wangi ini juga ditanam dua kali setahun dengan kurang pembajaan dan racun. Justeru, kita berharap projek ini mampu memberi manfaat kepada negara dan petani khususnya," katanya. Sementara itu, petani, Saidin Hashim, 53, berkata penanaman beras wangi lebih mudah berbanding varieti biasa kerana ia kurang risiko diserang serangga perosak seperti bena perang dan tidak memerlukan penjagaan baja yang rapi. "Selain mudah dijaga, hasil tanaman membabitkan beras wangi juga lebih berganda berbanding padi biasa dan keadaan ini sekali gus dapat meningkatkan pendapatan petani. "Saya bersyukur kerana terbabit secara langsung dengan projek ini yang pastinya dapat memberi manfaat terhadap petani terutama di luar kawasan jelapang yang memerlukan panduan pertanian yang lebih sistematis daripada mereka yang pakar," katanya.

**BERITA HARIAN**  
online

Sabtu, 27 Ogos, 2011

### Dana Mudah Cara RM2b bantu firma Bumiputera

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan pengwujudan satu Dana Mudah Cara berjumlah RM2 bilion untuk kegunaan syarikat Bumiputera yang berkelayakan melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Perdana Menteri berkata, pengwujudan dana itu adalah hasil kerjasama TERAJU dan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) dan diharapkan isu pembiayaan yang menjadi kekangan kepada syarikat Bumiputera dapat diringankan. "Dana ini akan menyediakan sokongan kepada Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) Bumiputera dan akan menjadi insentif tambahan bagi syarikat yang memohon untuk mendapatkan bantuan di bawah program PKS Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) yang dilancarkan TERAJU pada 20 Julai lalu.

Dana itu diwujudkan sebagai 'tipping point' sesuatu projek dengan menyediakan pembiayaan bagi infrastruktur supaya PFI Bumiputera dapat memberi lebih tumpuan kepada pelaksanaan projek," katanya selepas mempergerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) yang kelima semalam. Najib berkata, menerusi dana itu juga ia akan menjadi pemangkin kepada syarikat Bumiputera untuk menjalankan projek besar yang mempunyai tahap kelayakan minimum nilai pelaburan projek berjumlah RM20 juta. "Diharapkan impak jumlah pelaburan ini akan membawa manfaat kepada syarikat permulaan serta perusahaan mikro Bumiputera bagi membolehkan mereka memperbaiki kedudukan dalam rantaian nilai," katanya. Menerusi dana ini, TERAJU menganggarkan ia menjana lebih RM10 bilion pelaburan swasta. Sementara itu, pada majlis sama, Najib turut mengumumkan peruntukan bernilai RM8 bilion atau 43 peratus kepada Bumiputera di dalam keseluruhan perolehan projek My Rapid Transit (MRT).

Beliau berkata, beberapa pakej khas diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera iaitu pakej Kerja Sivil dan Infrastruktur, pakej Sambungan Bekalan Tenaga TNB, pakej Perolehan Berpusat, pakej Terowong dan Bawah Tanah dan pakej Sistem MRT. "Syarikat Bumiputera yang berkelayakan akan melalui proses pembidaan berpandukan prinsip berlandaskan ketelusan, merit, keupayaan dan 'track record'," katanya. Strategi Perolehan Projek MRT ini sudah diluluskan Jawatankuasa Perolehan Sehenti yang dipengerusikan Perdana Menteri dan bagi kontraktor kelas D, E dan F, pakej dianggar bernilai RM200 juta diperuntukkan bagi kerja sivil serta pakej kerja sivil dan infrastruktur. Dalam usaha memperkuatkuhan ekonomi Bumiputera, kerajaan Februari lalu melancarkan TERAJU yang bertanggungjawab menerajui, mengurus dan memacu penyertaan golongan itu menerusi inisiatif baru serta sedia ada.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Selasa, 30 Ogos, 2011

### Siasat seleweng wang PBAPP

GEORGETOWN: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta menjalankan siasatan berhubung dakwaan wujud penyelewengan wang milik anak syarikat kerajaan negeri, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang didakwa digunakan membayar tuntutan perubatan berjumlah RM8,434.05 kepada Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu bagi menjalani pembedahan kaki kanannya yang cedera ketika menyertai perhimpunan haram di Kuala Lumpur, 9 Julai lalu. Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Huan Cheng Guan, berkata pihaknya mahu SPM menyiasat perkara itu berikutan wujud unsur meragukan dalam pembayaran kepada Mohamad yang mana tuntutan dibuatnya adalah berjumlah RM8,434.05, sedangkan kos sebenar rawatannya hanya RM5,060.54 seperti dilaporkan. Turut dipertikaikan adalah kelayakan Mohamad menerima pembayaran itu kerana kecederaan dialaminya berikutan tindakannya menyertai perhimpunan haram, bukannya disebabkan ketika bertugas bersama PBAPP. "Kami juga mahu SPM menyiasat tindakan Ketua Menteri, Lim Guan Eng selaku Penggerusi PBAPP meluluskan tuntutan berkenaan, kerana ia jelas bercanggah dengan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang dilaung-laungkan kerajaan Pulau Pinang," katanya ketika ditemui pemberita sebelum membuat laporan itu di pejabat SPM di sini, semalam. Isu berkenaan didedahkan beberapa blog yang turut mempamerkan beberapa dokumen bagi menyokong dakwaan terbabit iaitu memo dalam PBAPP bertarikh 3 Ogos yang memohon kebenaran daripada Pengurus Besar PBAPP, Jaseni Maidinsa untuk meluluskan pembayaran balik kos perubatan pemimpin PAS itu di sebuah hospital swasta berjumlah RM8,434.05. Mengikut memo berkenaan, RM5,060.55 adalah kos rawatan perubatan di hospital swasta terbabit, manakala RM3,373.50 adalah bayaran perundingan pembedahan. Sementara itu, Ahli Parlimen Bayan Baru, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim meminta Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia menyiasat dakwaan penyelewengan wang PBAPP itu. "Siasatan itu penting kerana kita mahu tahu sama ada PBAPP sebuah syarikat senaraian awam menyokong kegiatan haram atau tidak," katanya.